

DINAMIKA NASIONALISME MALAYSIA: PENGALAMAN MALAYSIA DALAM PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Mohd Samsudin*

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan mengenai kedinamikan nasionalisme melalui pengalaman sejarah di Malaysia. Perbincangan akan bermula dengan kedatangan British serta dasar-dasar kolonial yang dilaksanakan yang menjadi faktor kepada kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk di negara ini. Nasionalisme mempunyai cita-cita membina sebuah negara yang merdeka dan bersatu. Namun pengalaman sejarah Malaysia merakamkan penyatuan Singapura yang menjadi cita-cita penduduk tidak dapat bertahan lama yang berkesudahan dengan pemisahan Singapura dari Malaysia. Namun demikian pengalaman pahit yang dirasakan oleh penduduk tidak menghalang kedinamikan nasionalisme negara terus berlaku dengan peranan yang dimainkan oleh perdana menteri. Bahagian akhir artikel ini membincangkan peranan Dr. Mahathir dalam meminda perlembagaan berkaitan kuasa Yang diPertuan Agong.

Kata kunci: nasionalisme, dasar kolonial, pemisahan Singapura, dan Dr. Mahathir

Pengenalan

Sama seperti di Indonesia, nasionalisme penduduk di Malaysia adalah pengalaman yang dikongsi secara bersama dengan di Indonesia. Namun demikian penjajahan British dengan dasar yang berbeza di Malaysia memberikan kesan terhadap reaksi yang ditunjukkan dalam gerakan nasionalisme di Malaysia. Persoalannya apakah Nasionalisme di Malaysia ini mengalami unsur dinamika (bersifat bertenaga, berkemampuan serta bergerak dan berubah-ubah. Sesuatu yang mempunyai kekuatan, selalu bergerak, berkembang serta bias menyesuaikan diri terhadap keadaan tertentu.¹

Sejarawan Profesor Taufik Abdullah dalam sebuah seminar berkomentar bahawa nasionalisme yang berintikan patriotisme itu, memang perwujudannya mengalami dialektika yang dinamis di mana tiap generasi mempunyai tentangan (challenge) dan jawaban (response) yang berbeza, namun esensi nasionalisme tetaplah sama aitu rasa cinta yang mendalam

* Dr. Mohd Samsudin ialah Profesor Madya di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Halehwal Antarabangsa, dan juga Pengarah Pusat Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

1 Wildan Zulkarnain, *Dinamika kelompok: latihan kepemimpinan pendidikan*, Jakarta, Bumi Aksara, 2013

terhadap bangsa dan tanah airnya.² Nasionalisme itu menjadi daya dorong sesuatu bangsa dalam memperjuangkan cita-cita bersama.³

Nasionalisme harus melahirkan suatu cita-cita masyarakat yang dikongsi bersama dalam sebuah sistem bernegara. Oleh itu, yang penting dalam cita-cita masyarakat ialah melahirkan sebuah negara sivil, berperundangan, mempunyai sistem dan aturan negara, atau adanya demokrasi dan negara Hukum, dengan matlamat akhirnya adalah wujud masyarakat madani.

Masyarakat madani (*Civil Society*) adalah masyarakat di mana setiap warga memiliki kebebasan yang dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, bebas dari rasa takut, senantiasa mengembangkan kerjasama yang didasarkan atas kepercayaan, sehingga muncul inisiatif dan partisipasi warga masyarakat dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Dalam rumusan yang lebih padat dikatakan bahwa "civil society refers to voluntary participation by average citizens and thus does not include behavior imposed or even coerced by the state."⁴

Penjajahan British

Penjajahan British di Malaysia seringkali menjadi polemik antara kalangan ahli-ahli sejarah dan masyarakat umum. Soalan yang sering dibangkitkan ialah apakah Malaysia ini dahulunya pernah dijajah oleh British atau sebaliknya? Polemik ini bukanlah perkara baru, namun sudah dibincangkan sejak sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.⁵

Kalangan yang menghujahkan Malaysia tidak dijajah menggunakan alasan menurut perjanjian Pangkor 1874 yang ditandatangani antara Raja Abdullah dengan Residen British, Sir Andrew Clarke tidak menyatakan British mahu menjajah tetapi sebaliknya mengatakan kuasa Eropah ini hanya campuratan dalam sistem pentadbiran dan politik negeri Melayu. Perjanjian Pangkor 1874 adalah penting kerana bermula dengan perjanjian inilah bermulalah campuratan British ke negeri-negeri Melayu lantas menguasai keseluruhan Malaysia. Zainal Kling menegaskan Tanah Melayu tidak pernah terjajah walaupun kesan pentadbiran British merupakan satu bentuk 'penjajahan'.⁶

Bagaimanapun kumpulan yang lebih mantap telah menolak hujahan ini kerana beranggapan melalui peristiwa sejarah yang berlaku di Malaysia ternyata British sebenarnya sudah menguasai sepenuhnya kuasa politik dan pentadbiran negeri-negeri Melayu. Dengan adanya kedua-dua kuasa ini membolehkan British menguasai sepenuhnya kegiatan ekonomi di Tanah Melayu termasuklah melaksanakan peraturan dan sistem kewangan. Ini bermakna penduduk negeri-negeri di Tanah Melayu tidak mempunyai kebebasan untuk memilih sistem

2 Kompas, 18 Agustus 2007, hal. 33

3 Sutarjo Adisusilo, Jurnal Nasionalisme Demokrasi Civil Society Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, 2010

4 M. Imam Zamroni, Potret Kegelisahan Sekolah dalam Melaksanakan Ujian Nasional, *UNISIA*, Vol. XXXI No. 69 September 2008, hal 17; Sutarjo Adisusilo, Nasionalisme-Demokrasi-Civil Society.

5 Mohd Shazwan Mokhtar, Mohd Samsudin, Suffian mansor, Kedudukan Tanah Melayu Sebagai Negeri Naungan dalam Empayar British berdasarkan Sumber Kolonial, *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jld 15, 1, Januari 2022, hlm. 27.

6 Zainal Kling: Salah jika kata Tanah Melayu dijajah lebih 400 tahun , *The Malaysian Insider*, 20 September , 2011

politik, pentadbiran dan kewangan. Pada awalnya British menubuhkan majlis mesyuarat negeri yang dikuasai oleh Residen atau penasihat British. Majlis Mesyuarat Negeri menjadi punca kepada pembinaan undang-undang dan peraturan di negeri-negeri Melayu. Majlis ini mengandungi keahlian daripada Sultan sebagai pengerusi tetapi bergantung sepenuhnya kepada Residen atau Penasihat British. Ahli-ahli lain dipilih dari kalangan individu yang ada kepentingan kepada British terutamanya taukeh Cina, pelabur Eropah dan pembesar negeri. Sistem Majlis Perundangan Negeri paling berkesan dalam melegitimasi undang-undang dan dasar pentadbiran kolonial British.

Kemudiannya pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan bermula tahun 1909 menyaksikan peranan dominan Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu. Majlis Mesyuarat Persekutuan diwujudkan sebagai institusi perundangan pusat dan dianggap sebagai “sentuhan muktamad bagi penguasaan British sepenuhnya terhadap Negeri-negeri Melayu Bersekutu”.⁷ Namun demikian ahli-ahlinya bukanlah dipilih melalui sistem demokrasi seperti di Britain, sebaliknya mereka dilantik oleh British mempunyai kepentingan hal ehwal pentadbiran atau ekonomi negeri. Oleh itu sukar untuk dinafikan bahawa Malaysia sebenarnya tidak dijajah oleh British.

Dasar penjajahan sepenuh British ke Tanah Melayu bermula dengan perpindahan pentadbiran Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dari Pejabat India (di India) ke Pejabat Kolonial di London pada 1867. Dua faktor penting menzahirkan penjajahan British ke Malaysia. Pertama kepentingan Singapura sebagai pelabuhan utama rantau ini menjelang abad ke 19 menyebabkan pihak British mahukan kedudukan mereka di kawasan ini menjadi teguh.⁸ Namun demikian perkembangan Singapura sebagai pelabuhan entreport memerlukan barangan daripada negeri-negeri jiran. Justeru itu British perlu mendapat jaminan barangan mentah daripada negeri-negeri Melayu. Kegagalan Stamford Raffles meyakinkan pemerintah di London untuk mengambil alih Batavia tetapi mahu menumpukan kedudukan mereka di Tanah Melayu. Raffles hanya mentadbir Batavia selama enam tahun dari 1811 dan berakhir pada 1817.⁹ Tentangan daripada pegawai British seperti William Corbett yang menentang penduduk British di Java antara faktor mereka menumpukan perhatian di Negeri-negeri Melayu. Corbett dikatakan menentang penjajahan British malahan *he was not willing to allow Java to be colonised in his name*.¹⁰ Pun begitu, pendudukan British di Singapura masih lagi menjadi isu yang dipolemikkan khususnya acara yang dilakukan adalah merupakan tipu helah British yang dimainkan oleh Stamford Raffles kononnya mahu memajak Singapura daripada Tengku Husein. Sarjana seperti M. Collis, H. J. Marks and C. Wutzburg yang membuat kajian mendalam memperosalkan “righteousness” Raffles dan juga meragui penglibatannya.¹¹

Faktor kedua ialah penguasaan British terhadap hasil bahan mentah khususnya pengeluaran bijih timah yang mempunyai nilai tinggi mengerakkan cita-cita penjajah ini

7 Ahmad Kamal Arffin bin Mohd Rus, *Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909-1927: Asas dan Kesan Pembentukannya*, Malaysia dari segi Sejarah, Vol. 27, 1999, hlm. 22.

8 Teddy Y.H. Sim, *Through a Glass Darkly; A Fresh Look at the Stories of the Foundation of Singapore*, *Kemanusiaan*, Vol. 20, no 2, (2013)

9 Peter Carey, *The British in Java 1811-1816: A Javanese Account*, Oxford University Press, Oxford. 1992

10 Farish A. Noor, *Anti-Imperialism in the 19th Century: A Contemporary Critique of the British Invasion of Java in 1811*, No 279, S. Rajaratnam School of International Studies, Singapore, 2 September 2014, Hal. 14.

11 Teddy Lim, *Theoruh A Glass Darkly*, hal. 2. Juga sila rujuk Collis 1966 M. 1966. Raffles. London: Faber and Faber; Marks; Wutzburg, C. 1954, *Raffles of the eastern isles*. London: Hodder and Stroughton

untuk menjajah negeri-negeri di Malaysia. Kepesatan perlombongan bijih timah berlangsung selepas terjadinya revolusi Perindustrian di Eropah. Teknologi enjin wap (steamship) telah membuka mata British untuk memonopoli pengeluaran bahan ini di negeri-negeri Melayu terutamanya Perak, Selangor, Negeri Sembilan. Penjajahan British diikuti kemudiannya oleh usaha menjadikan getah sebagai pertanian komersial yang amat sesuai ditanam secara besar-besaran di Malaysia.

British membawa masuk pelabur-pelabur untuk pertanian komersial getah di Tanah Melayu dan seterusnya memonopoli kegiatan ini. Untuk tempoh penjajahan, sumber kewangan yang dikumpulkan telah menguntungkan perbendaharaan British di London. Tanah Melayu menjadi begitu penting sebagai koloni British. Di ambang Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu menduduki tangga kedua banyaknya menyimpan wang dalam perbendaharaan British iaitu ada sekitar £845 juta Pound Sterling, berada di bawah kedudukan Afrika Selatan. Bagi memastikan monopoli perdagangan dan ekonomi dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu, mereka memperkenalkan sistem ekonomi dan kewangan yang diterima pakai di seluruh negeri. Langkah untuk menguasai kepentingan ekonomi mendedahkan usaha pihak British membentuk *Crown Agents*. Semua urusan jual beli getah dan bijih timah diuruskan oleh badan ini.

Pihak British juga bertanggungjawab memperkenalkan sistem matawang di Malaysia. Pada ketika awal pendudukan British di Negeri-Negeri Selat matawang Spanish *silver peso* digunakan sebagai matawang termasuk di negeri-negeri Melayu. Menjelang tahun 1871, British memperkenalkan matawang Straits Settlement dollar. Usaha ini membawa kepada penubuhan lembaga matawang pada tahun 1889 dengan tujuan mengawal aliran matawang dan sistem perdagangan. Kedudukan kewangan yang teguh telah membawa kepada dolar Straits Settlement diubah asas penilaian daripada perak kepada emas bagi mengikuti perkembangan di Hindia Belanda (Indonesia) pada 1906. Penyusunan semula sistem matawang berlaku menjelang tahun 1938 apabila Negeri-negeri Melayu bergabung bersama-sama Negeri-negeri Selat membentuk Lembaga Matawang seluruh Tanah Melayu.¹²

Di bawah penjajahan British dasar kolonial dalam bidang kewangan telah diguna pakai secara menyeluruh melibatkan Malaysia, Singapura dan Brunei. Bagi menguasai sistem kewangan di Malaysia pihak British memperkenalkan Ordinan Kewangan 1950 dan 1960. Ianya memberikan hak dan kuasa kepada Borad of Commissioners of Currency mengawal dan mengeluarkan matawang bagi Tanah Melayu dan British Borneo. Selepas merdeka Ordinan Kewangan 1960 yang dibentuk memberi kuasa kepada lembaga mengeluarkan matawang kepada Tanah Melayu. Walaupun Singapura tidak menyertai Persekutuan Tanah Melayu merdeka, namun ia mengikuti sistem matawang Tanah Melayu sehinggalah pada tahun 1967. Bermula 12 Jun 1967 Malaysia, Singapura dan Brunei menerbitkan matawang mereka secara berasingan.¹³

Perjuangan kemerdekaan yang diusahakan oleh penduduk tempatan antara lain bertujuan membebaskan negara ini daripada terikat dengan sistem kewangan kolonial. Perkara yang dianggap penting ialah pembentukan bank pusat tersendiri dan bebas daripada kawalan

12 Wilayah British Borneo menyertai lembaga Matawang ini pada tahun 1952. Sila rujuk Josephine George, *The Malayan Currency Board (1938-1967)*, SAE/No 53? March 2016, Johns Hopkins Institute for Applied Economics, Global Health, and Study of Business Enterprise, hal. 4.

13 Ibid.

14 Apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963, nama bank ini ditukar kepada Bank Negara Malaysia.

Bank of England. Selepas dua tahun merdeka iaitu pada tahun 1959, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berupaya menubuhkan sebuah bank pusat yang dinamakan Bank Negara Tanah Melayu.¹⁴ Undang-undang penubuhan Bank ini diluluskan oleh parlimen Tanah Melayu pada 23 Oktober 1958 oleh H.S Lee, Menteri Kewangan Tanah Melayu. Penubuhan Bank pusat yang kemudiannya dinamakan Bank Negara merupakan langkah memerdekakan Tanah Melayu sepenuhnya dari Britain. H.S Lee mengatakan “the establishment of the Bank was an indication to the world that the Federation having become politically independent, was determined to make sound provision to manage its own financial affairs.”¹⁵ Selepas pemisahan sistem kawalan matawang pada tahun 1967, Bank Negara berkuasa sepenuhnya terhadap kawalan matawang negara. Perjuangan terhadap Malayanisasi dalam bidang kewangan yang digerakkan oleh tokoh-tokoh di Malaysia beroleh kejayaan menjelang tahun 1967.

Untuk melegitimasi dasar dan undang-undang pihak British membentuk sistem perundangan di negeri-negeri Melayu. Tanah Melayu diletakkan di bawah sebuah sistem ‘persekutuan’ dengan mandat kuasa dipegang oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Penjawat jawatan ini adalah pegawai yang dipilih dari kalangan pegawai kanan dalam perkhidmatan pentadbiran British iaitu Malayan Civil Service. Pesuruhjaya Tinggi British mempunyai peranan dalam mempengaruhi Pejabat Kolonial British membentuk dasar penjajahan di Tanah Melayu. Peranan Pesuruhjaya yang bermakna dinyatakan seperti berikut;

the formulation and implementation of administrative arrangements in British dependencies during the pre-war period were ‘mostly left to men on the spot.’¹⁶

Penjajahan British di Singapura

Langkah manipulasi Raffles dan William Farquhar menguasai Singapura adalah merupakan peristiwa penting kepada kehadiran penjajahan British di Negeri-Negeri Melayu. Kedua-dua mereka merebut peluang dengan ketidak pastian mengenai kerajaan Johor-Riau benar-benar merdeka selepas VOC disingkirkan dari Melaka pada 1795. Mereka merebut peluang mengadakan hubungan persahabatan antara Johor-Riau dengan British. Maka berlakulah perbincangan antara Farquhar dengan Raja Muda cuba mendapatkan sebuah pelabuhan bagi menggantikan Pulau Carimon yang tidak sesuai.¹⁷ Bagaimanapun Raja Muda berhati-hati untuk memenuhi permintaan British dengan melewatkan jawapan. Kelewatan menyebabkan Raffles mengambil kesempatan memberi tekanan kepada pemerintah Johor-Riau. Raffles mengutus surat kepada Sultan Abdul Rahman bertarikh 5 Julai 1818 memberi “amaran” bahawa Belanda akan menghantar angkatan tentera yang besar bagi menyingkir Sultan Abdul Rahman. Atas kebimbangan ini Sultan Abdul Rahman membuat keputusan mengadakan perjanjian persahabatan dengan British pada 19 Ogos 1818.

15 *Straits Times*, 1 January 1963

16 Robert Heussler, *British Rule in Malaya*, Oxford: Clio Press, 1981, p. 227 ; Dipetik dalam Joseph M. Fernando, *The Power And Influence Of The High Commissioners In Colonial Policy-Making In Malaya, 1948-1957*, *Jurnal Sejarah*, hal. 178.

17 Badriyah, 1999, hal. 43-4.

Gembar gembur mengenai kehadiran Belanda untuk terus menguasai Johor-Riau menjadikan kebimbangan kepada pemerintah. Dalam masa yang sama keinginan Temenggong Abdul Rahman membangunkan Singapura selepas beliau membawa diri dari Riau diambil kesempatan oleh Raffles dan Farquhar.¹⁸

*Landing in Singapore was no accident for Farquhar and Raffles, and both men intended to take advantage of Tengku Hussein's claim to the throne of Johor by cultivating the friendship of Temenggong Abdul Rahman, who was managing the island of Singapore on behalf of his patron, who himself was under the jurisdiction of the Sultan of Johor.*¹⁹

Menurut Mushi Abdullah, Temenggong Abdul Rahman bersetuju mengadakan perjanjian membenarkan British membuat penempatan dengan syarat ianya dipersetujui oleh Sultan Tengku Hussein.²⁰ Bagaimanapun Raffles dan Farquhar mempermainkan kedua-dua pembesar ini yang akhirnya membolehkan pihak British membuat penjajahan di Singapura. Segala perkembangan penjajahan dan tipu helah British menguasai Pulau Pinang, Singapura menjadi perkara yang menjadi kesedaran dalam kalangan golongan nasionalis di Malaysia. Menjelang tahun 1946 British yang kembali semula selepas kalah di tangan tentera Jepun dengan cita-cita menjadikan kesemua Negeri Melayu sebagai tanah jajahan melalui rancangan Malayan Union. Namun akibat tentangan kuat orang Melayu termasuk Raja-Raja serta pesara perkhidmatan awam British di Tanah Melayu menyebabkan kerajaan British berhadapan kesukaran besar. Seterusnya ia menjadi isu hangat yang dibahaskan dalam Parlimen Britain. Akhirnya kerajaan British akur dengan tentangan dan membatalkan rancangan malayan Union.

Gerakan Nasionalisme di Malaysia

Perjuangan gerakan nasionalisme di Malaysia adalah berkembang seiring dengan kesedaran kebanyakan penduduk di Asia yang menolak penjajahan dan mengusahakan kebebasan negara daripada kuasa penjajahan. Dalam keadaan di mana kawasan-kawasan sekitar rantau ini dijajah walaupun oleh kuasa barat yang berbeda, namun semangat berjuang untuk membebaskan negara wujud dalam kalangan penduduk.

Sikap penduduk tempatan yang menentang dominasi kuasa luar adalah pencetus kepada gerakan kebangsaan di Malaysia. Perjuangan menentang Syarikata Hindia Timur Inggeris di Kedah yang dirintis oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798) adalah terawal dalam sejarah menentang British di Malaysia.²¹ Penentangan adalah kerana Syarikat Hindia Timur Inggeris yang menduduki Pulau Pinang tidak memenuhi syarat yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah supaya pihak Syarikat membantu Kedah daripada

18 Hubungan Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Riau mengalami kesukaran menjelang 1814. Pada 1814 Temenggong Abdul Rahman memohon izin daripada Sultan Riau untuk mencari "fortune" ditempat lain tetapi dalam jajahan Riau yang akhirnya membawa beliau ke Singapura. Adalah dalam adat kenamaan apabila berlaku perselisihan dengan Sultan, mereka akan membawa diri berpindah jauh daripada pusat pentadbiran. Sila rujuk Y.H. Sim, hal. 7; Meursinge 1842; Winstedt 1992,92 .

19 Teddy Y.H. Sim, hal. 8.

20 Munshi, 1955, 137-140 dalam Y.H Sim hal. 8.

21 Abdullah Zakaria bin Ghazali, Sejarah Gerakan Politik Awal di Kedah

diserang Siam dan membayar \$30,000 (*Spanish Dollar*) setahun sebagai ganti melepaskan monopoli perdagangan Sultan Kedah di Kedah. Walaubagaimanapun pasukan Kedah tidak dapat menandingi kekuatan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang membawa kepada akhirnya ditandatangani sebuah perjanjian pada 1 Mei 1791. Dalam perjanjian ini Kedah bersetuju membenarkan Inggeris menduduki Pulau Pinang dengan bayaran \$6,000 (*Spanish Dollar*) setahun.²²

Kekalahan usaha Sultan Abdullah menentang Inggeris dan kemudiannya membenarkan mereka menduduki Pulau Pinang, membuka lembaran baru dalam sejarah penjajahan British di Malaysia. Kekuatan tentera dan kepandaian manipulasi politik adalah kelebihan British untuk menjajah dan campurtangan di negeri-negeri Melayu. Dalam situasi perpecahan dan berlakunya perebutan kuasa antara pembesar di negeri-negeri Melayu, ianya memberi kelebihan kepada British. Zaman pertengahan abad ke 19 adalah merupakan zaman yang penuh cabaran kepada negeri-negeri Melayu. Penghasilan bahan mentah yang masih menjadi komoditi ekonomi yang membuahkan hasil lumayan kepada pengusaha. Dalam sistem tradisional sebelum kedatangan kuasa Barat terutamanya British pengeluaran bahan adalah di bawah monopoli Sultan dan para pembesar. Kedatangan Barat (terutamanya British) membawa perubahan besar kepada bentuk sistem perekonomian negeri-negeri Melayu. Negeri-negeri Melayu terdedah kepada sistem Merkantisme tanpa disedari kemudiannya mendedahkan kawasan ini kepada eksploitasi terbesar Barat terhadap penduduk tempatan. Maka berlakunya perkembangan kedatangan pelabur-pelabur Eropah diiringi oleh pedagang-pedagang Cina. Kepesatan kegiatan ekonomi menyebabkan British membawa masuk kaum India dan Cina yang kemudiannya mengubah lanskap sosial dan politik negeri-negeri Melayu.

Perkembangan yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Tindakbalas penduduk tempatan terhadap dasar pihak British telah merancakkan tuntutan kebebasan dan kemerdekaan. Selepas Perang Dunia Kedua berlaku gerakan kumpulan radikal yang mencadangkan sebuah perlembagaan rakyat menuntut sebuah perlembagaan bagi membebaskan negara daripada jajahan British. Gerakan berpolitik selepas perang dimulakan oleh PUTERA-AMCJA yang menunjukkan kerjasama antara kaum Melayu, Cina dan India.²³ Pakatan parti politik ini adalah merupakan kerjasama politik antara kaum yang melahirkan sebuah cadangan perlembagaan yang dikemukakan kepada kerajaan British. Tokoh-tokoh iaitu Ishak Hj Muhammad, Dr Burhanuddin Helmi, Ahmad Boestamam, Tan Cheng Lock, John Thivy, Chan Loo dan Gerald de Cruz terlibat dalam perbincangan. Mereka akhirnya melahirkan 10 perkara dalam cadangan perlembagaan iaitu;

1. Singapura hendaklah disatukan dengan Malaya.
2. Satu kerajaan pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih.
3. Raja-raja Melayu akan mempunyai kuasa yang sebenar, bertanggungjawab kepada rakyat melalui Majlis Mesyuarat .
4. Satu perlembagaan baru bagi Malaya, menyediakan keistimewaan tertentu bagi kemajuan orang Melayu dari segi politik dan ekonomi.
5. Adat istiadat Melayu dan agama Islam dikawal sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.

22 Ibid.

23 Nama penuh AMCJA ialah All-Malaya Council of Joint Action berasal namanya PMCJA. Ditukar nama dalam bulan Ogos 1947.

6. Kerakyatan yang serata bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup mencurahkan kesetiannya tanpa berbelah bagi.
7. Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
8. Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan kerajaan British.
9. Kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
10. Merah putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera²⁴

Cadangan Perlembagaan ini telah dikemukakan kepada kerajaan British dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Perundingan tetapi ditolak. Perkara penting ialah perkara ini membuktikan usaha golongan yang dianggap radikal merealisasikan gagasan Melayu Raya yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda. Adalah penting untuk difahami bahawa penglibatan golongan radikal Melayu adalah serius terhadap usaha kemerdekaan, Namun demikian mereka tidak diberi ruang sebaiknya oleh kerajaan British. Penolakan cadangan perlembagaan menyebabkan kebangkitan masyarakat menentang dengan cara melancarkan mogok umum (*hartal*). Tindakan ini mendapat sokongan akhbar-akhbar yang sememangnya menyokong perjuangan AMCJA-PUTERA iaitu Suara Rakyat. Malahan akhbar ini telah digunakan untuk menyampaikan kempen gerakan anti-penjajahan. Selain akhbar, gerakan politik AMCJA-PUTERA mendapat sokongan daripada parti-parti politik yang bersikap anti-penjajah. Antaranya ialah *Malayan Democratic Union* (MDU) yang dianggotai oleh golongan cerdik pandai yang berpusat di Singapura.

Perkembangan Perlembagaan Rakyat menunjukkan bahawa golongan radikal Melayu sebenarnya membangunkan konsep Melayu Raya satu konsep meletakkan orang Melayu dalam satu gagasan geografi yang luas di Asia Tenggara. Melayu Raya adalah terjemahan daripada konsep *Indonesia Raya*²⁵ yang diperjuangkan oleh Sukarno dalam gerakan kemerdekaan menentang Belanda.²⁶ Pemahaman golongan radikal yang digerakkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) adalah untuk mengekalkan identiti Melayu dalam satu ruang spatial yang mantap.²⁷ Menariknya konsep ini diterima oleh kaum

-
- 23 Nama penuh AMCJA ialah All-Malaya Council of Joint Action berasal namanya PMCJA. Ditukar nama dalam bulan Ogos 1947.
 - 24 Exposition to The Amended Draft of the New Constitution for Malayan Drawn Up by Representatives of The PUTERA and The AMCJA, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur
 - 25 Antara tokoh yang mengungkapkan istilah Indonesia Raya ialah Tan Malaka dalam usaha beliau memujuk orang Melayu menyokong ideologi komunis diterima pakai dalam menentang penjajahan British.
 - 26 Sebuah penulisan panjang lebar telah diusahakan oleh Ahmat Adam bertajuk *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Negara Bangsa*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
 - 27 Partai Kebangsaan Melayu Malaya telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. Penubuhannya telah disusuli dengan kongresnya yang pertama di Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945. Konres itu telah meluluskan perlembagaan PKMM dengan 8 dasar berkaitan mempersatukan orang Melayu, mencapai kemerdekaan, membangkitkan kedudukan orang Melayu, mencapai kebebasan bertani dan bebas daripada memmbayar hasil tanah, kebebasan kepada orang Melayu mendirikan sekolah, kebebasan mencetak buku, bekerjasama dengan lain-lain parti politik dan menyokong gerakan umat Indonesia memperjuangkan kemerdekaan. Sila rujuk Ahmat Adam, *Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Sebuah Mimpi* Nusanantara, *Jebat* 28, 2001, hal 63-74

bukan Melayu. Namun demikian, penerimaan bukan Melayu dikaitkan dengan kesediaan PUTERA menerima taraf kerakyatan daripada bukan Melayu yang sekali gus menerima bentuk kenegaraan pelbagai kaum yang pada sekitar tahun 1940-an masih sukar diterima oleh sebilangan besar orang Melayu.

Penentangan yang ditunjukkan oleh golongan radikal dan diikuti oleh kumpulan sosialis dianggap mengancam kerajaan British. Pada ketika Tanah Melayu diancam gerakan bersenjata komunis, British telah mengisytiharkan Undang-undang Darurat 1948. Sekaligus British menggunakan undang-undang ini menahan mereka yang disyakki anggota komunis. Dalam sama yang sama undang-undang ini juga digunakan bagi menahan tanpa bicara pemimpin-pemimpin radikal. Antara mereka yang ditahan ialah Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad dan Onan Haji Siraj. Ramai lagi anggota radikal ditahan sekaligus melumpuhkan gerakan PKMM.

Di saat kerajaan British memperkenalkan rancangan Malayan Union pada tahun 1946 timbul penentangan menyeluruh penduduk Melayu. Buat pertama kali orang Melayu bersatu hati dalam menggerakkan gerakan anti-Malayan Union. Tentangan orang Melayu terhadap Malayan Union adalah kerana kandungan rancangan ini memindahkan kuasa Raja Melayu kepada Raja Britain yang bermakna hilangnya kedaulatan Raja-Raja Melayu. Bagi mengabsahkan rancangan ini kerajaan British telah mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu. Harold MacMichael, telah dihantar mewakili Raja Britain untuk mendapatkan tandatangan Raja Melayu. Bagaimanapun dalam usaha mendapatkan tandatangan ini, MacMichael telah menggunakan kaedah ugutan dan tipu helah. Ia menggambarkan kerajaan British berada di dalam keadaan *desperate* untuk mendapatkan persetujuan Raja-Raja.

Kaedah yang bertentangan dengan etika yang digunakan oleh MacMichel telah menaikkan gelora marah dalam kalangan orang Melayu yang sememangnya menentang Malayan Union. Penentangan orang Melayu melalui gerakan persatuan telah digabungkan menjadi sebuah gerakan besar sehingga tertubuhnya UMNO, iaitu sebuah parti orang Melayu. UMNO yang dipimpin oleh Dato Onn Jaafar, seorang aristokrat Melayu mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu. UMNO kekal sebagai sebuah parti yang dominan yang memimpin usaha mendapatkan kemerdekaan. Selepas merdeka UMNO kekal dominan dalam politik kebangsaan kekal menguasai kerajaan sehinggalah pada Pilihanraya Umum ke 14 dalam tahun 2018.

Tuntutan rakyat untuk diadakan sebuah pilihanraya telah menzahirkan pilihanraya pertama di Tanah Melayu pada tahun 1955. Parti Perikatan telah menang besar dengan mendapat 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini memberi indikasi sokongan padu rakyat kepada Tunku Abdul Rahman yang memimpin Parti Perikatan yang turut mengandungi komponen parti yang mewakili orang Cina dan India. Kesan besar daripada perkembangan ini ialah sokongan padu penduduk agar kemerdekaan yang diusahakan akan membentuk sistem pemerintahan negara berasaskan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan (*Constitutional Monarch*). Dua perkara utama terkandung dalam konsep ini ialah mengangkat kedudukan Raja-Raja Melayu dan menjaga kedudukan orang Melayu. Perlembagaan Persekutuan bagi negara merdeka meletakkan Raja-Raja, diwujudkan dalam sebuah institusi Raja Raja Melayu yang menentukan kedudukan Raja dan peranan Raja. Kuasa Raja ditentukan oleh Perlembagaan. *Constitutional Monarch* membolehkan kedudukan kedudukan Raja-Raja terus kekal tinggi dan dihormati. Sistem kerajaan Persekutuan dalam negara merdeka membawa bersama sebuah institusi Yang diPertuan Agong sebagai ketua

negara dan lambang sebuah negara merdeka. Maka wujudlah sebuah sistem Raja dalam sebuah negara moden yang mengamalkan pemisahan kuasa dalam tiga bidang iaitu Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

Pemisahan Singapura Dari Malaysia: Perkembangan Politik di Singapura selepas Perang Dunia Kedua

Usaha untuk mencantumkan Singapura dengan Persekutuan PTM (PTM) di dalam sebuah sistem persekutuan telah wujud sejak tamat Perang Dunia Kedua oleh pejuang Melayu khususnya PKMM tetapi telah dihalang oleh pihak British. Di awal rancangan Malaya Union, negeri-negeri Selat iaitu Pualau Pinang dan Melaka diletakkan dibawah pentadbiran PTM tetapi Singapura kekal sebagai koloni British. Sejak itu Singapura dan PTM berkembang secara berasingan dalam bidang politik dan pentadbiran.²⁸ Keengganan pihak British memberikan kemerdekaan kepada PTM dan Singapura telah menyebabkan munculnya bantahan dalam kalangan penduduk terutamanya golongan yang lebih radikal iaitu parti-parti politik Melayu PKMM, Pembela Tanah Air dan Hisbul Muslimin dengan mendapat sokongan penduduk menuntut kemerdekaan. Sebagai usaha mematahkan penentangan penduduk tempatan, pihak British menggunakan sikap keras menghadapi mereka. Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang menjadi saluran gerakan golongan radikal Melayu telah diharamkan. Pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dr. Burhanuddin Helmi, Ahmad Boestaman telah ditahan tanpa bicara. Ahmad Boestaman tokoh utama dalam PKMM menyatakan sikap PKMM dan API yang tegas dan jelas menyokong sa-ratus peratus perjuangan kemerdekaan Indonesia dan jelas pula menuntut kemerdekaan yang sa-ratus peratus bagi Malaya dicurigai oleh penjajah Inggeris.²⁹ Di Singapura, pihak British juga telah menangkap penyokong PKM dan pemimpin radikal. Antara tahun 1948 hingga 1953 seramai 1,200 orang telah ditahan oleh pihak berkuasa British termasuklah C. Nair dan James Puthuchery.³⁰

Menjelang pertengahan tahun 1950-an pihak British terpaksa menyediakan PTM dan Singapura dengan sistem berkerajaan sendiri. Pembaharuan perlembagaan melalui cadangan Suruhanjaya Rendall telah mencadangkan Singapura diberikan hak berkerajaan sendiri menjelang tahun 1955 dan kemudiannya pulau ini akan diberikan kemerdekaan tidak lewat tahun 1963. Selepas laporan suruhanjaya Rendall maka terdapat beberapa parti politik di Singapura yang memerlukan perhatian terhadap usaha mendapatkan kemerdekaan kepada Singapura. Antaranya ialah Parti Progresif Singapura.³¹ Manakala kumpulan kedua

28 Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 5.

29 Ahmad Boestaman, Inggeris mula menchurigai PKMM dan Api, *Berita Harian*, 29 August 1971.

30 Richard Clutterbuck, *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia, 1945-1983*, Graham Brash, Singapore, 1984, hlm. 66; Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri Dalam Daging*, hlm. 5.

31 Parti Progresif Singapura (PPS) ditubuhkan pada tahun 1947. . Parti ini ditubuhkan oleh beberapa orang tokoh iaitu John Laycock, C.C. Tan dan N.A. Mallal. Laycock dan Mallal adalah merupakan ahli majlis Perbandaran Singapura pada tahun 1930-an, manakala Tan adalah merupakan ahli tidak rasmi Majlis Penasihat pada tahun 1946. PPS menarik minat golongan professional berpendidikan Inggeris. Parti ini juga mendapat sokongan daripada *Straits Chinese British Association* (SCBA) dan *Singapore Association*. Bertanding di dalam pemilihan Ahli Dewan Perundangan tahun 1948. Parti ini merupakan satu-satunya

pula ialah Barisan Buruh pimpinan David Marshall, seorang peguam yang mempunyai ramai penyokong daripada golongan professional.³² Parti ketiga yang turut memperjuangkan gabungan Singapura dengan PTM ialah PETIR.³³

Cadangan Tunku

Sikap dingin Tunku terhadap cadangan bergabung dengan Singapura sejak tahun 1955 menjadi perkara yang menghalang pembentukan gagasan Malaysia kerana beliau menolak usaha yang dianggap tidak menguntungkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM).³⁴ Ianya

parti politik yang bertanding dalam pilihanraya Singapura pada tahun 1948 dan memenangi tiga daripada enam kerusi yang dipertandingkan. Mankala yang tiga dimenangi oleh calon bebas. Menjelang pilihanraya 1951 PPS memenangi enam daripada Sembilan kerusi yang dipertandingkan. Bagaimanapun kemudiannya kurang pengaruh berbanding parti yang lebih radikal. Menjelang pilihanraya 1955 PPS bertanding sebanyak 22 daripada 25 kerusi. Antara tokoh yang bertanding menentang PPS ialah David Marshall, Lim Yew Hock dan Francis Thomas daripada Barisan Buruh. Sila rujuk E. C. T. Chew., & Lee, E. (Eds.). (1991). *A history of Singapore*. Singapore: Oxford University Press. hlm. 122-128.; J. Drysdale, (1984). *Singapore: Struggle for success* Singapore: Times Editions, hlm. 26-27, 36-40. ; Hussin Mutalib. (2004). *Parties and politics: A study of opposition parties and the PAP in Singapore* Singapore, Marshall Cavendish Academic, hlm. 41-42; A. Josey, (1980). *Singapore: Its past, present and future* (hlm. 23). London: Andre Deutsch; Lee Kuan. Yew. (1998). *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Editions, hlm . 137, 140-141; C. M. Turnbull, (1985). *A history of Singapore 1819-1975*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 235-259; Yeo, Kim Wah. (1973). *Political development in Singapore, 1945-55*. Singapore: Singapore University Press, hlm. 98-105.

- 32 Barisan Buruh (Labour Front) ditubuhkan selepas berlaku pepecahan dalam parti Buruh Singapura. Menjelang tahun 1954 pemimpin yang keluar daripada Parti Buruh Singapura menubuhkan Parti Sosialis Singapura. Setahun kemudian kedua-dua parti ini membentuk satu pakatan dikenali sebagai Barisan bersatu Rakyat bagi bertanding dalam pilihanraya umum. Keserasian dalam gabungan ini telah membawa kepada tertubuhnya Barisan Buruh pada tahun 1955. Tokoh penting yang memimpin parti ini ialah David Marshall, Lim Yew Hock dan Francis Thomas. Barisan Buruh sebuah parti politik yang memperjuangkan aliran buruh ditubuhkan dengan tujuan bertanding dalam pilihanraya umum Singapura. Walaupun memenangi pilihanraya umum 1955 tetapi parti ini hanya berjaya bertahan selama satu penggal sahaja. Parti ini hilang pengaruh dalam pilihanraya 1959 dan 1963. Bagi menghadapi persaingan dengan PETIR, Lim Yew Hock telah membentuk sebuah pakatan yang dinamakan Singapore People's Alliance (SPA), gabungan antara Barisan Singapura dan Parti Liberal Sosialis Singapura pada tahun 1958. Dalam pilihanraya 1963, pakatan yang sama bergabung pula dengan UMNO, MCA dan MIC membentuk Perikatan Singapura. Sila rujuk E. C. T. Chew., & Lee, E. (Eds.). (1991). *A history of Singapore*. Singapore: Oxford University Press. hlm. 132-139.; J. Drysdale, (1984). *Singapore: Struggle for success* Singapore: Times Editions, hlm. 94-159. ; Hussin Mutalib. (2004). *Parties and politics: A study of opposition parties and the PAP in Singapore* Singapore, Marshall Cavendish Academic, hlm. 42-53; Lee Kuan. Yew. (1998). *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Editions, hlm . 189-190; C. M. Turnbull, (1985). *A history of Singapore 1819-1975*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 257-171; Yeo, Kim Wah. (1973). *Political development in Singapore, 1945-55*. Singapore: Singapore University Press, hlm.113-117.
- 33 PETIR atau nama Inggerisnya People's Action Party telah ditubuhkan pada tahun 1954. Parti ini dipimpin oleh kumpulan berpendidikan Inggeris yang mendapat pendidikan luar negara iaitu Lee Kuan Yew (Setiausaha Agung), Toh Chin Chye (Pengerusi) da S. Jayaratnam. Parti ini berjuang atas prinsip anti-kolonialisme. Walaupun mengakui pada peringkat awal mereka bekerjasama dengan komunis tetapi parti ini mempertahankan nilai politik mereka berbeza dengan aliran komunis.. Sila rujuk PAP, party milestones dalam laman <http://www.pap.org.sg/partyhistory.php>.
- 34 DO169/30,M.J. Moynihan to Commonwealth Relations Office (selepas ini CRO), 12 October 1961, The National Archive, London (selepas ini TNA).

bukanlah rahsia, malahan pegawai-pegawai British di London dan Singapura memang mengetahui sikap Tunku ini. Itulah sebabnya di peringkat awal pembentukan Malaysia, apabila setiap kali Lee Kuan Yew menyatakan kemungkinan gabungan Singapura dengan PTM, Tunku mengambil sikap berdiam diri.³⁵ Tunku menyedari gabungan Singapura akan menggalakkan kumpulan sosialis Cina di Persekutuan Tanah Melayu bercita-cita membentuk negara sosialis pan-Malayan.³⁶ Dalam masa yang sama, satu lagi faktor penting yang menjadi perhatian Tunku ialah gabungan dengan Singapura akan ditentang oleh orang Melayu kerana ianya akan melemahkan kedudukan mereka.³⁷ Soal taburan penduduk antara kaum di PTM adalah soal sensitif dalam politik PTM. Sebagai usaha menyatukan kaum, Tunku menubuhkan Perikatan iaitu gabungan tiga parti utama berasaskan kaum iaitu United Malays National Organisation (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC), bagi menghadapi pilihanraya pertama pada tahun 1955 dan selepas memenanginya membentuk sebuah kerajaan. Perkembangan politik PTM pada ketika ini masih dibayangi oleh politik perkauman. Usaha awal Tunku selepas menubuhkan kerajaan ialah mengusahakan kemerdekaan PTM sepertimana yang terdapat dalam manifesto pilihanraya Perikatan 1955.³⁸

Pada pertengahan 1950-an Lee Kuan Yew merancang untuk menguasai politik Singapura yang kuat dipengaruhi oleh faham sosialis dan gerakan Buruh. Beberapa langkah telah diambil oleh Lee Kuan Yew, pertama beliau terlibat menjadi peguam kepada pemimpin Singapura yang ditahan. Kedua, Lee Kuan Yew menggunakan pengaruh pemimpin tempatan untuk meraih sokongan kepada populariti beliau. Oleh itu Lee Kuan Yew telah berusaha mendapatkan sokongan pemimpin-pemimpin kesatuan dan gerakan Buruh yang berpengaruh di Singapura yang mana ada di antaranya telah ditahan oleh pihak British. Hasil temubual John Drysdale, seorang wartawan terkemuka yang menulis buku bertajuk *Singapore, Struggle for Success* dengan Devan Nair mendapati Lee Kuan Yew telah berusaha mengadakan rundingan dengan Devan Nair semenjak tahun 1957 supaya kumpulan pro-komunis menyokong PAP.³⁹ Lee telah memujuk Nair dan pemimpin pro-komunis mengadakan

35 Lee Kuan Yew dilahirkan di Singapura pada 16 Sept 1923; mendapat pendidikan di Raffles Institution dan Raffles College, 1936-39, 1940-42, kemudiannya mengikuti kursus undang-undang di University of Cambridge, 1946-50. Sebaik sahaja pulang ke Singapura mengamalkan kerjayaya peguam dan aktif sebagai penasihat undang bagi beberapa kesatuan sekerja diantara 1950-59. Dilantik di dalam Dewan Perundangan Singapura di bawah perlembagaan Rendell. Bertanding atas tiket PAP dalam pilihanraya umum 1955 dan menjadi ketua pembangkang. Mengetuai PAP dalam pilihanraya Singapura tahun 1959 dengan memenangi 43 daripada 51 kerusi. Beliau menjadi Perdana Menteri Singapura dari bulan Jun 1959 hingga November 1990. Bermula 1990 beliau dilantik menjadi Menteri Kanan Singapura.

36 CO 1030/984, Federation of Malaya: Background to the Greater Malaysia Plan, CRO, 20 October 1961, TNA.

37 Ibid.

38 Untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pilihanraya PTM 1955 sila rujuk Francis G. Carnell, "The Malayan Elections", *Pacific Affairs*, Vol. 28, no. 4, Dec. 1955, hlm. 315-330; Irene Thinker, "Malayan Elections: Electoral Pattern for Plural Societies? *The Western Political Quarterly*, vol. 9, no. 2, Jun 1956, hlm. 258-282.

39 John Drysdale dalam usaha menerbitkan buku *Singapore, Struggle for Success* dikatakan telah diberi ruang cukup besar merujuk dokumen rasmi kerajaan Singapura dan juga temubual dengan pemimpin Singapura. Usaha menerbitkan buku dilakukan oleh kerajaan Singapura atas kebimbangan Goh Chok Tong, Menteri Perdagangan dan Industri terhadap golongan muda Singapura yang kurang pemahaman sejarah negara mereka. Sila rujuk Albert Lau, 'The National past and the writing history of Singapore dalam Ban Kah Choon, Tong Chee Kiong dan Anne Pakir (ed), (1992), *Imaging Singapore*, Times Academic Press, Singapore, , hlm. 56-57.

perjanjian untuk menyokong PAP sebagai syarat membebaskan mereka daripada tahanan jika sekiranya PAP memenangi pilihanraya. Beberapa bulan sebelum pilihanraya umum Singapura tahun 1959 diadakan, Lee Kuan Yew telah berjaya mendapatkan tandatangan lima orang tahanan utama iaitu S. Woodhull, Fong Swee Suan, Lim Chin Siong, Devan Nair dan Chan Chiaw Thor untuk menyokong beliau.⁴⁰ Lee Kuan Yew telah meminta lima orang daripada mereka (kecuali James Putuicheary yang tidak bersetuju dengan tuntutan Lee) menandatangani deklarasi bahawa mereka akan berjuang di dalam PAP menentang komunis. Sebaik sahaja Lee Kuan Yew yang memimpin PETIR Singapura memenangi pilihanraya, beliau telah menuntut William Goode, Gabenor Singapura membebaskan lapan tahanan tersebut. Ini adalah sebagai syarat utama Lee Kuan Yew kepada Goode sebelum beliau bersetuju membentuk kerajaan. Bagaimanapun di mata umum, ia memperlihatkan kesungguhan Lee Kuan Yew memperjuangkan pembebasan pejuang tempatan.

Pembebasan lapan orang tahanan politik telah menaikkan reputasi Lee Kuan Yew. Tahanan politik berkenaan telah dibebaskan pada 4 Jun 1959 dari penjara Changi disambut oleh seramai hampir 2,000 penyokong PAP dan kesatuan sekerja.⁴¹ Pembebasan ini berdasar perjanjian sulit antara Lee Kuan Yew dan tahanan-tahanan politik berkenaan yang pada ketika itu Lee Kuan Yew bertindak sebagai peguam mereka. Dokumen perjanjian berkenaan dikenali sebagai 'The Ends and Means of Malayan Socialism'.⁴² Sebaik sahaja dibebaskan, Lim Chin Siong yang mewakili tahanan berkenaan telah membuat kenyataan akhbar memberikan sokongan penuh kepada cita-cita PETIR untuk mewujudkan sebuah negara Demokratik Sosialis Malaya.⁴³ Bagi mendapatkan sokongan terhadap gagasan politik demokratik sosialis, Lee Kuan Yew terus berusaha mendapat sokongan penduduk Singapura dengan membebaskan lebih ramai tahanan komunis. Namun demikian usaha Lee Kuan Yew berdepan dengan cabaran apabila sebuah Majlis Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security Council*) dibentuk diwakili oleh pihak British, wakil kerajaan Singapura dan wakil kerajaan PTM bertanggungjawab soal keselamatan di Singapura. Sebagai jalan keluar, Lee Kuan Yew telah memujuk William Goode, Gabenor Singapura menerima rancangan untuk membebaskan ahli-ahli komunis yang ditahan dengan alasan pembebasan tersebut tidak akan menjejaskan keselamatan Singapura dan PTM kerana pengaruh komunis tidak lagi sekuat sebelum ini. Malahan Lee Kuan Yew memberi jaminan bahawa pengaruh komunis dapat dibendung melalui pendekatan perang psikologi dan pendekatan politik.⁴⁴ Pendekatan politik yang dimaksudkan oleh Lee Kuan Yew ialah menjanjikan mereka dengan sebuah negara idaman berbentuk demokratik sosialis pengaruh daripada gerakan Fabianisme oleh Kelab Fabian di London.⁴⁵

40 Drysdale, *Singapore, Struggle for Success*, (1984), Times Books International, Singapore, hlm. 221-2.

41 . Sila rujuk *Straits Times*, 5 June 1959; Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, Times Edition, Singapore, 1998, hlm. 309-10; John Drysdale, *Singapore: Struggle for Success*, hlm. 221-2.

42 Tan Jing Quee, "Lim Chin Siong- A Political Life", dlm Tan Jing Quee and Jomo K.S., (2001), *Comet in Our Sky: Lim Chin Siong in History*, INSAN, Kuala Lumpur, hlm. 80-81.

43 Nik Anuar Nik Mahmud, *Singapura, Duri Dalam Daging*, hlm. 17; *Straits Times*, 4 June 1959.

44 CO 1030/979, Minute by PBC Moore, 7 April 1961.

45 *The Fabian Society* adalah gerakan kumpulan sosialis di Britain dengan tujuan memperjuangkan prinsip Demokrasi Sosial melalui gerakan *gradualist* dan tidak melalui revolusi. Gerakan Fabian sudah bermula pada akhir abad ke 19 dan berterusan pada waktu Perang Dunia Pertama Pertubuhan ini melahirkan beberapa asas perjuangan kepada Parti Buruh dan memberi kesan terhadap dasar dekolonisasi Empayar British khususnya di India. Pertubuhan ini masih wujud pada hari ini dan menjadi 'kumpulan pemikir (tink

Kecenderungan Lee Kuan Yew memperjuangkan sebuah negara demokratik sosialis adalah kerana penglibatan beliau dalam Fabian Society sewaktu menuntut di London.⁴⁶ Lee Kuan Yew menyedari beliau adalah antara pelajar PTM dan Singapura yang terpengaruh dengan perjuangan kumpulan sekerja yang mahu mewujudkan sebuah negara dengan konsep keadilan sosial bersama dengan tanggungjawab utama dipikul oleh kerajaan.⁴⁷ Gerakan Fabian cukup berpengaruh di kalangan pelajar yang menuntut di *London School of Economic*, London pada tahun 1940-an dan telah berkembang di kalangan penuntut PTM dan Singapura yang menuntut di London sekitar tahun 1950-an.⁴⁸ Apabila pulang mereka membawa pulang fahaman untuk membentuk masyarakat berasaskan kepada fahaman sosialis. Apabila memperjuangkan kemerdekaan idea mewujudkan negara demokrasi sosialis berpengaruh luas dalam kalangan bekas penuntut yang pernah menuntut di London. Antara tokoh yang terpengaruh dengan fahaman fabianisme ialah Lee Kuan Yew dan Tun Abdul Razak. Namun demikian Lee Kuan Yew menyedari bahawa fahaman sosialisme tidak mungkin boleh dilaksanakan di Singapura sebelum gabungan dengan PTM.⁴⁹

Walaupun Lee Kuan Yew berjaya memujuk William Goode untuk membebaskan tahanan politik pro-komunis di Singapura, namun usaha ini tidak diterima oleh kerajaan PTM. Bagaimanapun, Sir Geoffrey Tory, Pesuruhjaya Tinggi British ke PTM telah berusaha mendapatkan persetujuan kerajaan PTM agar menerima rancangan Lee Kuan Yew sebagai kaedah beliau menangani ancaman komunis. Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman, Menteri Dalam Negeri PTM yang juga merupakan wakil kerajaan PTM di dalam Internal Security Council (ISC) menolak dan membantah hasrat Lee Kuan Yew untuk membebaskan tahanan pro-komunis. Walaupun Lee Kuan Yew akhirnya berjaya membebaskan tahanan pro-komunis tetapi keputusan ini dibantah oleh kerajaan PTM. Jangkaan kerajaan PTM tepat kerana pendekatan Lee Kuan Yew untuk 'menjinakkan' komunis di Singapura tidak berjaya apabila beliau sendiri menghadapi ancaman digulingkan daripada memimpin PETIR. Kedudukan Lee Kuan Yew sebagai Ketua Menteri Singapura dan pemimpin PETIR semakin terganggu apabila Lim Chin Siong dan penyokongnya keluar daripada PETIR dan menubuhkan

thank)' kepada gerakan New Labour. Ianya adalah merupakan 15 daripada pertubuhan yang terlibat dengan Parti Buruh Pertubuhan yang sama wujud di Australia dengan nama Australian Fabian Society, Kanada dengan nama Yayasan Douglas-Coldwell, dahulunya dikenali sebagai the League for Social Reconstruction. Ramai ahli Fabian terlibat dalam penubuhan Parti Buruh pada 1900 di Britain serta mengambil sebahagian besar perlembagaan Fabian Society untuk dijadikan perlembagaan Parti Buruh. Dalam tempoh di antara dua perang dunia, muncul generasi kedua Fabian termasuklah R.H. Tawney, GDH Cole dan Harold Laski yang berpengaruh dalam falsafah pemikiran social-demokrasi. Pada masa inilah ramai bakal pemimpin dunia ketiga terdedah kepada pemikiran Fabian seperti Jawaharlal Nehru dari India, Muhammad Ali Jinnah, seorang peguam muda dari Pakistan yang menjadi ahli Fabian pada tahun 1930-an. Lee Kuan Yew, Perdana Menteri pertama Singapura pernah menyebut dalam memoirnya bahawa falsafah politik beliau dipengaruhi oleh Fabian Society.

- 46 Speech by Minister Mentor Lee Kuan Yew at the 37th Jawaharlal Nehru Memorial Lecture On Monday, 21 November 2005, New Delhi.
- 47 Antara pemikir Fabian Society yang mempromosikan idea Negara Sosialis demokrasi ialah Kingsley Martin yang telah menyampaikan syarahan umumnya bertajuk *Socialism and the Welfare State*. Syarahan ini kemudiannya telah diterbitkan dalam sebuah buku kecil pada tahun 1851. Sila rujuk Kingsley Martin, *Socialism and the Welfare State*, Fabian Autumn Lectures, 1951, Fabian Publications Ltd, London.
- 48 Untuk maklumat lanjut mengenai fahaman Demokratik Sosialisme sila rujuk Tim Tomlinson, *Democratic Socialism and Economic Policy: The Atlee Years 1945-1951*, Cambridge University Press, Melbourne, 1997.
- 49 Alex Josey, *Lee Kuan Yew: The Crucial Years*, hlm. 98.

Barisan Sosialis bulan Julai 1961. Dalam menganalisa keadaan ini, Nik Anuar Nik Mahmud menulis;

Terperangkap dengan kemelut itu, Lee Kuan Yew berpaling kepada Tunku Abdul Rahman untuk membantunya mempertahankan kerajaan PAP (PETIR) serta melumpuhkan golongan kiri/komunis (sic) melalui percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.⁵⁰

Setelah memerintah Singapura, Lee Kuan Yew bersama-sama Goh Kheng Swee, Menteri Kewangan cuba membawa faham fabianisme dalam dasar pentadbiran kerajaan PETIR. Namun demikian kedua-dua mereka dikatakan hilang minat terhadap bentuk sosialisme bentuk British. Pada tahun 1959 perdebatan mengenai soal kebajikan ditumpukan terhadap cadangan menggantikan Central Provident Fund (CPF) dengan satu bentuk skim insuran sosial yang lebih komprehensif berdasar British Labour Government's Beveridge Report. Usaha ini mengambil masa yang agak panjang untuk diperjuangkan tetapi ia gagal mendapat sokongan dan menjelang bulan Mac 1962 persoalan ini diberhentikan.⁵¹

Gabungan Singapura

Selain PAP, Parti Progresif Singapura dan UMNO Singapura adalah merupakan dua buah parti yang menyokong kuat langkah gabungan Singapura. Sikap Lee Kuan Yew menolak penglibatan semua parti politik Singapura untuk gabungan pulau ini terkandung di dalam telegram yang dihantar oleh Moore, Pemangku Pesuruhjaya Agung British di Singapura kepada Setiausaha Kolonial di London pada 18 September 1961.⁵² Menyedari berlakunya penentangan terhadap usaha gabungan di Singapura, Tunku telah mencadangkan kepada Lee Kuan Yew menubuhkan sebuah perikatan dengan Lim Yew Hock, musuh politiknya dan mengadakan pilihanraya mengenai isu gabungan.⁵³ Pada pandangan Tunku jika Barisan Sosialis memenangi

50 Nik Anuar Nik Mahmud, *Singapura, Duri Dalam Daging*, hlm. 21.

51 Iuu CPF telah menarik perhatian ramai ahli-ahli politik dan kesatuan sekerja di Singapura. Seaktu kempen pilihanraya PETIR menuntut dimansuhkan CPF kerana tidak memelihara hak pekerja. Dalam soal bantuan kepada anak-anak, elaun bersalin dan bantuan tidak bekerja. Pada tahun 1956, Lee Kuan Yew menuntut pengenalan insuran pekerja. Sila rujuk Michael D. Barr, "Lee Kuan Yew's Fabian Phase", *Australian Journal of Political and History*, Vol. 46, No. 1, 2000, hlm. 114-116.

52 PREM 11/3418, Moore to the Secretary of State for the Colonies, no. 385, 18 September 1961, TNA.

53 Lim Yew Hock dilahirkan pada 15 Oktober 1914 di Singapura. Mendapat pendidikan daripada Raffles Institution dan menamatkan pengajian pada tahun 1931. Hasrat untuk menyambung pengajian ke England tidak tercapai akibat kematian mengejut ayahnya. Beliau kemudiannya bekerja sebagai kerani. Lim Yew Hock terlibat dalam kesatuan buruh apabila dilanti sebagai Setiausaha Agong *Singapore Clerical and Administrative Workers' Union* pada tahun 1946 dan kemudiannya menjadi Presiden pada tahun 1950. Sewaktu di bawah pentadbiran David Marshall, Lim Yew Hock dilantik sebagai Menteri Buruh dan Kebajikan. Bagaimanapun apabila David Marshall meletakkan jawatan beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Singapura di antara 1956-1959. Beliau menceburi parti politik melalui Parti progresif Singapura pada tahun 1947 dan kemudiannya Party Buruh. Pada tahun 1957 menubuhkan gabungan yang dikenali sebagai Singapore People's Alliance (SPA) bagi menghadapi saingan dengan PETIR dalam pilihanraya umum Singapura. Sekali lagi pada 1961 beliau menubuhkan gabungan dengan memperluaskan kerjasama dengan bahagian UMNO, MCA dan MIC Singapura. Bagaimanapun gabungan ini gagal menyekat pengaruh PETIR untuk memenangi pilihanraya umum Singapura 1963. Lim Yew Hock membuat keputusan bersara

pilihanraya berkenaan maka tiada makna baginya untuk terus mengusahakan rancangan gabungan. Cadangan Tunku telah memeranjatkan Lee Kuan Yew kerana beliau tidak bersedia mengadakan kerjasama dengan Lim Yew Hock yang merupakan musuh politik beliau. Lim Yew Hock, pemimpin Parti Progresif Singapura sebaliknya adalah merupakan kawan baik Tunku yang dapat diterima sebagai pemimpin politik di Singapura.⁵⁴

Kebimbangan Tunku meninggalkan rancangan gabungan Singapura yang akan menambahkan risiko kehilangan kuasa memaksa Lee Kuan Yew untuk terus menjalankan usaha memujuk Tunku. Matlamat Lee Kuan Yew ialah menolak cadangan Tunku agar gabungan Singapura melibatkan kerjasama semua parti politik di negeri tersebut.⁵⁵ Selain PETIR, Parti Progresif Singapura dan UMNO Singapura adalah merupakan dua buah parti yang menyokong kuat langkah gabungan Singapura. Sikap Lee Kuan Yew menolak penglibatan semua parti politik Singapura untuk gabungan pulau ini terkandung di dalam telegram yang dihantar oleh Moore, Pemangku Pesuruhjaya Agung British di Singapura kepada Setiausaha Kolonial di London pada 18 September 1961. Untuk memastikan Tunku menarik kembali cadangan agar PETIR bergabung dengan parti-parti lain Lee Kuan Yew menunjukkan sikap yang benar-benar menghormati Tunku dan timbalannya, Tun Razak sehinggalah sanggup datang ke Kuala Lumpur dan bermalam di kediaman Tunku yang dikenali sebagai *Residensi*.⁵⁶

Akhirnya pada bulan September 1961, satu perbincangan penting diadakan di antara Tunku, Tun Razak dengan Lee Kuan Yew dan Goh Kheng Swee yang diadakan di Kuala Lumpur selama tiga hari.⁵⁷ Kedua-dua pihak telah menyatakan persetujuan terhadap cadangan gabungan Singapura dan menandatangani satu perjanjian bertulis. Perjanjian ini melahirkan satu asas persetujuan yang memperlihatkan dominasi kerajaan PTM apabila kerajaan PTM akan bertanggungjawab penuh terhadap soal pertahanan, hal ehwal luar dan keselamatan dalam negeri. Singapura pula dibenarkan mempunyai beberapa otonomi dalam bidang pelajaran dan buruh. Namun ianya masih di peringkat awal kerana walaupun sudah ada perjanjian asas ini namun terdapat banyak perkara yang masih memerlukan perincian daripada kedua-dua pihak. Oleh itu semenjak awal tahun 1961 sehingga di saat-saat akhir

daripada politik. Setahun kemudian Tunku Abdul Rahman melantik beliau sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia untuk selama lima tahun sehingga tahun 1968. Dalam tempoh 15 tahun persaraannya beliau telah memeluk Islam dengan mengambil nama Haji Omar Lim Yew Hock dan meninggal pada 30 November 1984 di Jeddah, Arab Saudi. Ketika meninggal dunia, beliau bertugas sebagai Pembantu Khas kepada Presiden Bank Pembangunan Islam. Sila rujuk *Biographies of Prominent Chinese in Singapore*, Singapore, Nan Kok Pub., 1950, hlm. 96; K. Mulliner, *Historical dictionary of Singapore*, Metuchen, New Jersey, Scarerow Press, 1991, hlm. 92; Lim Yew Hock Dies in Jeddah, *The Straits Times*, 1 December 1984.

54 PREM 11/3418, Moore to the Secretary of State for the Colonies, no. 371, 19 September 1961, TNA.

55 PREM 11/3418, Moore to the Secretary of State for the Colonies, no. 385, 18 September 1961, TNA.

56 Temubual Tunku Abdul Rahman, Arkib Negara 1985; PREM 11/3418, Moore to the Secretary of State for the Colonies, no. 387, 18 September 1961, TNA.

57 Perbincangan penting antara Tunku dan Lee Kuan Yew ini berlangsung selama tiga hari. Turut sama hadir ialah S. Rajaratnam, Menteri Kebudayaan Singapura dan juga Muhammad Ghazali Shafie. Beberapa perkara penting telah dipersetujui antara kedua pihak mengenai asas gabungan dan juga kuasa otonomi Singapura yang dikekalkan. Tunku bersetuju rancangan gabungan Singapura akan dilaksanakan sebelum bulan Jun 1963. Jelas dalam perbincangan ini, Lee Kuan Yew bersetuju mengenai kedudukan kerakyatan terhadap penduduk Singapura di dalam Malaysia. Tunku juga bersetuju mengadakan perbincangan dengan Lee Kuan Yew dari semasa ke semasa mengenai gabungan Singapura ini. Sila lihat PREM 11/3418, PBC Moore to Macleod, 18 September 1961, TNA.

penubuhan Malaysia direalisasikan pada 16 September 1963, Lee Kuan Yew terus melobi kerajaan PTM bagi mendapatkan kedudukan yang lebih baik bagi Singapura.

Bukanlah mudah bagi Tunku menerima gabungan Singapura tanpa beliau benar-benar yakin bahawa langkah tersebut akan menguntungkan PTM.⁵⁸ Sikap Harold Macmillan, Perdana Menteri Britain yang tidak mahu memberikan komitmen untuk membenarkan wilayah-wilayah Borneo menyertai Malaysia sedang dalam masa yang sama tidak mengambil sebarang tindakan berkesan mengawal komunis di Singapura cukup dikesali oleh Tunku.⁵⁹ Malah Tunku pernah menerangkan secara sulit kepada Lee Kuan Yew bahawa beliau tidak dapat mempercayai kerajaan Britain yang dianggapnya sengaja menggunakan beliau untuk menyelesaikan masalah perbalahan politik di Singapura.⁶⁰ Pandangan Tunku ini membimbangkan Lee Kuan Yew bahawa Perdana Menteri PTM tidak mahu menerima Singapura. Oleh itu Lee Kuan Yew telah meyakinkan Lord Selkirk bahawa persetujuan Tunku terhadap rancangan penubuhan Malaysia adalah penting untuk meneruskan rancangan ini. Bagaimanapun, persetujuan gabungan dengan Singapura bergantung kepada kesediaan kerajaan British bersetuju dengan penyatuan wilayah Borneo di dalam Malaysia.

Perkiraan menerima Singapura dalam rancangan Malaysia adalah atas faktor keselamatan telah mempengaruhi Tunku menjalankan langkah-langkah pro-aktif mengawal kegiatan komunis di pulau ini. Tunku menganggap ancaman komunis di Singapura adalah isu serius kerana pulau ini menjadi pusat kegiatan komunis yang perlu diatasi segera.⁶¹ Tunku dan pegawai-pegawai PTM seringkali merujuk kedudukan PTM adalah seperti mana pengalaman yang dipelajari daripada perkembangan komunis di Cuba yang mengancam keamanan Amerika Syarikat.⁶² Alasan ancaman komunis yang berlaku di Singapura bagaimanapun ditolak oleh parti-parti pembangkang di PTM terutamanya PAS dan Barisan Sosialis yang mendakwa bahawa ancaman komunis digunakan oleh Lee Kuan Yew sebagai alasan untuk

-
- 58 Pandangan ini dilaporkan oleh Tory kepada Sandys melalui surat beliau kepada Setiausaha Kolonial pada 26 Mei 1961. Tory sebaliknya mengharapkan Tunku dapat menerima rancangan Malaysia dengan baik dan memberikan amaran lebih awal kepada Sandys dan kerajaan British bahawa beliau mengesyakki rancangan ini akan berkembang pantas daripada yang dijangka oleh kerajaan British serta menasihatkan London agar membimbing Tunku dalam rancangan Malaysia ini. Sila rujuk PREM 11/3418. Tory to Sandys, 26 May 1961, TNA.
- 59 Ucapan Tunku pada bulan Mei 1961 membuka fasa baru dalam pembentukan dasar kerajaan British apabila perlu menilai implikasi penyertaan wilayah Borneo di satu pihak manakala keperluan mengawal keselamatan rantau Asia Tenggara di satu pihak lain. Untuk selama hampir lima bulan selepas ini, isu ini mengungguli perbincangan pegawai-pegawai British di London. Antaranya pada 24 Mei 1961, Sandys telah meinta pandangan Selkirk mengenai cadangan Tunku. Sila rujuk CO 1030/1079, Sir A Waddell to E. Melville, 1 June 1961, no. 3-6, TNA.
- 60 PREM 11/3422, Selkirk to the Secretary of State for the Colonies, 27 September 1961, no. 4000, TNA.
- 61 Tunku Abdul Rahman telah menghantar surat kepada Macmillan pada awal September 1961 menerangkan keresahan beliau mengenai ancaman komunis di Singapura. Malahan dalam surat beliau, Tunku menekankan soal gabungan Singapura 'must now be pursued with the utmost vigour and urgency'. Sila rujuk PREM 11/3418, surat Tunku kepada Macmillan, 4 September 1961, TNA.
- 62 Tunku sering membangkitkan perkara ini dalam perdebatan parlimen Persekutuan Tanah Melayu di antara tahun 1960-1963. Beliau juga sering membuat kenyataan akhbar mengenai kebimbangan Singapura akan menjadi sebagai "Cuba" buat Tanah Melayu. Ia juga telah diulas oleh Gordon P. Means, "Malaysia: A New Federation in Southeast Asia", *Pacific Affairs*, Vol.36, no. 2, (Summer, 1963), hlm. 139.

menyelamatkan kedudukan politik beliau dan parti PAP semata-mata.⁶³ Sebaliknya pihak pembangkang menasihati kerajaan PTM supaya tidak terpengaruh dengan taktik Lee Kuan Yew untuk bertindak tergesa-gesa dan berlebihan sebaliknya mengambil pendekatan yang lebih realistik dan praktikal.

Seterusnya pemimpin pembangkang memberi amaran bahawa Lee Kuan Yew akan cuba memerangkap Tunku untuk percaya bahawa Singapura diancam oleh komunis mempengaruhi Tunku untuk bertindak membantu Lee Kuan Yew menyingkirkan musuh-musuh politik beliau. PAS juga memberikan amaran bahawa gabungan Singapura akan melemahkan kedudukan politik Persekutuan khususnya kedudukan orang Melayu berikutan jumlah orang Cina yang besar di pulau itu.⁶⁴ Pemimpin-pemimpin Barisan Sosialis di PTM lebih kritikal terhadap tindakan yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew di Singapura, menganggap tindakan Perdana Menteri Singapura adalah untuk menyelamatkan kedudukannya dan mengancam pembangkang mengamalkan sistem demokrasi di Singapura.

Rancangan Demokratik Sosialis Malaysia

Kejayaan gabungan Singapura dalam pembentukan Malaysia pada tahun 1963 memberikan Lee Kuan Yew keselesaan untuk terus mentadbir dan membolehkan beliau mengusahakan cita-cita politik beliau iaitu menubuhkan sebuah negara Demokratik Sosialis di Malaysia. Kejayaan Lee Kuan Yew, seorang yang bercita-cita besar ini dengan menggunakan Tunku Abdul Rahman untuk mencapai matlamat politik beliau. Dalam hal ini, Nik Anuar Nik Mahmud telah mengulas;

Ternyata bahawa Lee Kuan Yew telah mengambil kesempatan daripada kejujuran Tunku untuk memenuhi agenda politiknya. Dengan sokongan Tunku, Lee Kuan Yew bukan sahaja dapat membebaskan Singapura daripada penjajahan British melalui Malaysia, tetapi juga telah dapat melumpuhkan musuh politiknya baik dari sayap kiri ataupun kanan. Setelah berjaya memenuhi agenda politiknya, Lee Kuan Yew berusaha pula untuk mengembangkan pengaruhnya ke Semenanjung. Untuk mencapai matlamatnya, PAP telah menggunakan cogan kata 'Malaysian Malaysia yang mereka harap akan mendapat sokongan orang bukan Melayu.'⁶⁵

Lima hari selepas pengisytiharan penubuhan Malaysia, Lee Kuan Yew, sepertimana rancangannya telah mengadakan pilihan raya di Singapura 1963. Pilihanraya kali ini adalah mudah bagi Lee Kuan Yew dan PETIR kerana sebahagian besar pemimpin pembangkang

63 Perbincangan ahli-ahli pembangkang terdapat di dalam perbahasan parlimen dalam bulan Oktober 1961 iaitu selepas Tunku membentangkan rancangan penubuhan Malaysia. Sila lihat *Parliamentary Debates*, Federation of Malaya, 16 October-18 October 1961.

64 Pandangan pemimpin kanan PAS mengenai perkara ini adalah konsisten semenjak isu gabungan Singapura diutarakan oleh kerajaan PTM. Kebimbangan pembentukan Malaysia akan melemahkan kedudukan orang Melayu telah diutarakan oleh Zulkiflee Muhammad, Dr. Burhanuddin Mohd Noor (Helmi), Mohamed Asri Hj Muda semenjak bulan Oktober 1961 iaitu selepas Tunku membentangkan rancangan Malaysia di dalam Parlimen PTM. Sila rujuk *Parliamentary Debates*, Federation of Malaya, 16-18 October 1961.

65 Nik Anuar Nik Mahmud, *Singapura, Duri Dalam Daging*, hlm. 62.

telahpun ditahan dalam Operasi Cold Store sebelum penubuhan Malaysia. Notis pengumuman pilihanraya yang singkat memberi kesan tidak bersedia di kalangan parti yang masih ada iaitu Barisan Sosialis, UMNO Singapura, Parti Perikatan Singapura. Lee Kuan Yew berusaha memperkukuhkan kedudukan politik yang sebelum ini hanya mempunyai 25 daripada 51 kerusi. Keputusan pilihanraya mengejutkan Tunku dan pemimpin UMNO pusat apabila semua calon di tiga kerusi UMNO-Perikatan tewas kepada calon PETIR. Hasil pilihanraya mencatatkan kemenangan terbesar PETIR berbanding sebelum ini dengan memenangi 37 daripada 51 kerusi. Pesaing terdekat ialah Barisan Sosialis yang memenangi 13 kerusi. Kekalahan calon UMNO dianggap oleh Tunku sebagai penolakan orang Melayu Singapura kepada peranan UMNO di pulau tersebut.

Yakin dengan kemenangan PETIR dalam pilihanraya Singapura telah mempengaruhi Lee Kuan Yew meluaskan cita-cita politiknya. Dalam usaha mencapai cita-cita politik menguasai Malaysia, Lee Kuan Yew memberikan fokus untuk terlibat dalam pilihanraya umum Persekutuan yang berlangsung pada tahun 1964. Lee Kuan Yew menyedari sukar bagi beliau untuk membawa PETIR terlibat secara langsung dalam pilihanraya Persekutuan kerana sudah mempunyai perjanjian sulit dengan Tunku bahawa Lee Kuan Yew dan PETIR tidak boleh terlibat dalam pilihanraya di dalam Persekutuan untuk satu tempoh masa yang panjang sehingga sepuluh tahun. Dalam masa yang sama UMNO dan ahli politik PTM juga tidak akan terlibat dalam pilihanraya di Singapura yang berlangsung lebih awal pada 1963. Bagaimanapun Lee Kuan Yew menggunakan penglibatan Tunku dan pemimpin UMNO pusat berkempen di dalam pilihanraya Singapura 1963 sebagai alasan beliau untuk terlibat dalam pilihanraya Persekutuan 1964. Bagaimanapun Lee Kuan Yew menyusun strategi PETIR tidak bertanding di kerusi yang UMNO tandingi, sebaliknya bertanding di kerusi MCA.

Pada peringkat awal, Lee Kuan Yew bercita-cita menggantikan kedudukan MCA di dalam Perikatan. Beliau telah membuat ucapan dalam kempen pilihanraya menyatakan kesediaan PETIR mengambil alih tempat MCA serta membuat komen terbuka mengkritik kepimpinan MCA terutamanya Tan Siew Sin. Lee Kuan Yew secara terbuka telah mengumumkan hasrat beliau mahu bekerjasama dengan UMNO tetapi enggan menyertai Perikatan jika MCA dan MIC masih menjadi ahli. Pengumuman Lee Kuan Yew telah diselar oleh Tunku yang menganggap ia sebagai usaha memecah belahkan Perikatan. Tunku dan Tun Razak kemudiannya telah membuat pengumuman secara terbuka untuk terus menerima MCA sebagai rakan dalam Perikatan sekaligus menolak cita-cita PETIR.

Strategi pilihanraya PETIR dalam pilihanraya 1964 ialah menonjolkan bahawa parti ini memperjuangkan demokrasi dan keadilan. Kawasan tumpuan pertandingan adalah di bandar-bandar yang mempunyai jumlah penduduk berbilang kaum yang ramai. Sewaktu Lee Kuan Yew berada di luar negara, Toh Chin Chye, Pengerusi PETIR pada 1 Mac 1964 telah mengumumkan secara rasmi hasrat Partinya untuk bertanding dalam pilihanraya di Tanah Melayu. Pemimpin UMNO pusat khususnya Tunku menganggap pengumuman ini sebagai mencabar kedudukan kerajaan Pusat dan juga mencabar kedudukan orang Melayu. Sewaktu berucap di dalam Persidangan Parti Perikatan di Kuala Lumpur pada 17 April 1964, Tunku memaklumkan bahawa langkah menerima Singapura dalam Persekutuan Malaysia adalah pengorbanan yang dilakukan oleh kerajaan pusat bagi menyelamatkan Singapura daripada jatuh ke tangan pengaruh komunis. Malahan ia juga sebagai usaha menyelamatkan kedudukan politik Lee Kuan Yew dan PETIR daripada dikuasai oleh golongan komunis. Menurut Tunku lagi, selepas Singapura bergabung dalam Malaysia, Lee Kuan Yew mendapati beliau tidak

mendapat kuasa seperti yang dikehendakinya iaitu menjadi Perdana Menteri, lalu beliau mula menimbulkan kekacauan.⁶⁶

Walaupun dikritik hebat oleh pemimpin Perikatan, namun Lee Kuan Yew dan pemimpin PETIR bertekad untuk bertanding dalam pilihanraya umum Persekutuan 1964. Hasrat menubuhkan sebuah kerajaan demokratik sosialis Malaysia oleh PETIR telah diperkukuhkan melalui pelancaran manifesto parti ini pada 19 Mac 1964. PETIR mengumumkan untuk meletakkan seramai 9 calon menentang calon MCA. Matlamat Lee Kuan Yew ialah dengan pertapakan PETIR dalam lanskap politik Persekutuan, ia akan dapat mengubah pemikiran pemimpin UMNO supaya mengubah dasar ekonomi dan social dengan mengambil kira tuntutan penduduk kawasan bandar.⁶⁷ Kempen menjadikan negara demokratik sosialis tidak mendapat sokongan kuat penduduk. Ini terbukti apabila PETIR hanya memenangi sebuah kerusi yang dipertandingkan iaitu di Bangsar, Kuala Lumpur, dimenangi oleh Devan Nair. Analisa yang dibuat oleh pegawai pejabat kedutaan Amerika mengatakan strategi PETIR adalah kesilapan besar yang dibuat oleh Lee Kuan Yew kerana sejak peristiwa ini beliau dipandang serong oleh pemimpin Perikatan. Sebaliknya kepada Tunku dan pemimpin Perikatan, tindakan Lee Kuan Yew telah menunjukkan sikap sebenar beliau yang bercita-cita besar tanpa mengambil kira persefahaman dan rasa hormat terhadap Tunku dan Perikatan.

Malaysian Malaysia untuk siapa?

Selepas kalah dalam pilihanraya umum Persekutuan 1964, Lee Kuan Yew mengubah strategi politiknya bagi mendapat sokongan penduduk dan memenangi pilihanraya umum yang dijangka pada tahun 1969. Kali ini Lee telah mengumumkan rancangan untuk mendapatkan sokongan parti-parti pembangkang membentuk satu barisan menentang Perikatan. Dalam usaha ini Lee Kuan Yew telah berunding secara sulit dengan pemimpin-pemimpin pembangkang pada 8 Mei 1965 daripada *United Democratic Party* (UDP) dan *Sarawak United Party* (SUPP). Keesokannya sebuah jawatankuasa yang dinamakan *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) ditubuhkan dengan slogan *Malaysian Malaysia*. Ideanya untuk mewujudkan sebuah negara yang adil dan samarata antara kaum di Malaysia.⁶⁸

Malaysian Malaysia adalah satu slogan yang digunakan oleh Lee Kuan Yew dan pemimpin PETIR dalam usaha meraih sokongan bukan Melayu di semenanjung untuk mendirikan negara idaman berteraskan ciri-ciri demokratik sosialis. Lee Kuan Yew menggunakan kempen perjuangan sama hak di antara penduduk di Malaysia sekaligus mencabar konsep sebuah negara-bangsa yang dibangunkan oleh UMNO dan kerajaan Perikatan iaitu memberikan hak istimewa kepada orang Melayu dan kaum bumiputera. Malahan ia telah dijelmakan di dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 di dalam perkara 152 dan 153. Tindakan Lee Kuan Yew mengundang rasa marah di kalangan pemimpin

66 Nik Anuar Nik Mahmud, *Singapura, Duri Dalam Daging*, hlm. 64.

67 Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 193.

68 Perjumpaan pertama telah diatur oleh pemimpin PETIR pada 12 Februari 1965 dengan pemimpin UPKO, SUPP, UDP dan PPP di Singapura bagi melahirkan draf penubuhan sebuah pakatan parti politik pembangkang menentang Perikatan. Sila rujuk Albert Lau, *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the politics of Disengagement*, Singapore, Times Publication, 1998, hlm. 232.

UMNO khususnya golongan Pemuda yang dipimpin oleh Syed Jaafar Albar dan juga kumpulan radikal dalam parti tersebut. Dengan menggunakan akhbar Utusan Melayu dan Malaya Merdeka, UMNO bertindak balas mengkritik kempen Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew pula menyambut kritikan tersebut dengan cara lantang menjawab di dalam media lain dan dihangatkan lagi oleh Alex Josey, pegawai akhbar beliau yang turut berkempen yang kadang kala memperlecehkan kedudukan orang Melayu. Perkembangan ini menjadikan ia kepada konflik terbuka antara kedua-dua pihak.

Ahli-ahli UMNO menentang penubuhan MSC dan menganggap slogan Malaysian Malaysia sebenarnya mempunyai agenda lebih besar iaitu bukan hanya mahu menumbangkan kerajaan Perikatan dalam pilihanraya akan datang tetapi menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera yang telah dijamin oleh perlembagaan. Hasrat MSC untuk mengkaji semula perlembagaan bagi menghapuskan sebarang peruntukan yang bersifat diskriminasi terhadap kaum di negara ini. Lee Kuan Yew juga mempersoalkan status orang Melayu yang dianggapnya bukan berasal dari Malaysia.⁶⁹ Dalam ucapan umum beliau pada 24 Februari 1965, Lee Kuan Yew secara terbuka mencabar Perikatan untuk bertanding membuktikan siapa yang boleh memberikan yang terbaik kepada orang Melayu. Seterusnya pada 2 Mac, dalam ucapan beliau di Seremban, Lee Kuan Yew mempertikaikan kesesuaian formula 'communal segregated' Perikatan terhadap parti politik di Singapore, Sabah atau Sarawak.⁷⁰ Sehari kemudiannya, dalam ucapan beliau di Melaka, Lee Kuan Yew mencabar Utusan Melayu dan kumpulan ultra dalam UMNO yang mahu melakukan dominasi di dalam Malaysia. Provokasi yang melampau dalam kedudukan negara yang baru dibentuk menggugat keamanan negara. Justeru itu ahli UMNO telah mendesak kerajaan menahan Lee Kuan Yew di bawah akta darurat bagi masalah lebih buruk. Namun Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman selaku menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menolak tuntutan ini kerana pihak polis tidak mempunyai sebarang bukti bahawa Lee Kuan Yew telah melanggar undang-undang negara.

Sikap Lee Kuan Yew memburuk-burukkan kerajaan Pusat bukan sahaja dilakukan di dalam negara. Malahan beliau mengambil kesempatan memburuk-burukkan kerajaan Pusat sewaktu lawatan ke luar negara khususnya ke New Zealand (6-15 Mac 1965) dan Australia (15 Mac – 2 April 1965).⁷¹ Menurut Tunku,

When he (Lee Kuan Yew) went on a visit to Australia and New Zealand, he made derogatory statements about the Central Government and the policy we advocated. He gave our friends "down under" the impression that it had been a mistake for Singapore to have merged with Malaya as the Chinese were being treated unfairly.⁷²

Sikap Lee Kuan Yew yang seolah-olah menyalahkan kerajaan Pusat dengan dasar yang dijalankan adalah bercanggah dengan prinsip asal sewaktu Lee Kuan Yew bersungguh-sungguh memujuk Tunku menerima gabungan Singapura dan bersedia menerima ketuanan Melayu.

Untuk meredakan ketegangan Tunku mengambil beberapa langkah. Dengan ahli UMNO, beliau telah menasihati mereka supaya tidak memperbesarkan isu politik

69 Tunku Abdul Rahman, *Looking Back*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 120.

70 Speech by Lee Kuan Yew at Seremban, 2 March 1965, A 1838/280, no 3027/2/1, Part 21.

71 Albert Lau, *A moment of Anguish*, hlm. 235.

72 Tunku Abdul Rahman, *Looking Back*, hlm. 119.

perkauman yang dibawa oleh Lee Kuan Yew. Kepada Lee Kuan Yew, Tunku telah menasihati Perdana Menteri Singapura ini supaya tidak memperovakasi soal-soal yang menaikkan rasa marah orang Melayu. Kempen mempersoalkan kedudukan orang Melayu bukan sahaja mengecewakan Tunku tetapi menimbulkan rasa marah pemimpin UMNO kepada Lee Kuan Yew. Pada 26 Mei, Lee Kuan Yew bersama-sama wakil Parlimen yang menyokong Malaysian Malaysia telah membuat sidang akhbar bahawa beliau akan mengusul kepada Dewan Rakyat untuk merujuk Perlembagaan Persekutuan kepada *Privy Council* bagi memberikan tafsiran jelas terhadap perkara yang dipertikai. Kenyataan Lee Kuan Yew sebenarnya merujuk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan istimewa orang Melayu.⁷³ Tunku menganggap tindakan Lee Kuan Yew ini tidak menghormati Perlembagaan negara sepertimana yang dijanjikan beliau, malahan lebih buruk mempersoalkan kedudukan orang Melayu yang telah jelas ada di dalam Perlembagaan.⁷⁴ Tunku sebelum ini telah menasihatkan Lee Kuan Yew agar tidak membawa isu yang menyentuh kedudukan orang Melayu di dalam perbahasan Parlimen kerana menyedari ianya akan mengundang perbalahan di kalangan ahli-ahli dewan tetapi nasihat ini tidak diindahkan oleh Perdana Menteri Singapura ini.

Isu pertelingkahan sampai ke kemuncak pada bulan 25 Mei 1965 di dalam persidangan Dewan Rakyat sewaktu anggota Parlimen membahaskan titah ucapan Yang diPertuan Agong. Lee Kuan Yew mempertikai perkataan “enemy from within” (musuh dalam selimut) dalam ucapan Yang diPertuan Agong dengan menuduh kerajaan Persekutuan menganggap PETIR sebagai musuh yang dimaksudkan. Ucapan Lee Kuan Yew termasuklah cadangan beliau untuk meminda ucapan Yang diPertuan Agong menyebabkan beliau dikritik hebat oleh wakil-wakil Parlimen UMNO. Mengetuai kritikan ialah Dr. Mahathir dan Syed Jaafar Albar yang menolak kempen Malaysian Malaysia kerana bertujuan memecah belahkan penduduk Malaysia. Tun Abdul Razak turut membidas Lee Kuan Yew kerana sikap beliau yang telah menyebabkan kekalutan politik dalam suasana Malaysia yang sedang menghadapi ancaman Konfrantasi Indonesia. Malahan Tun Abdul Razak memberi amaran kepada Lee Kuan Yew bahawa beliau bermain dengan api perkauman yang menggugat keamanan negara dan harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesan buruk yang akan menimpa negara.⁷⁵

Kempen Malaysian Malaysia Lee Kuan Yew mendapat menimbulkan kemarahan orang Melayu. Pada 25 Mei 1965, akhbar Utusan Melayu menerbitkan di halaman depannya tajuk ‘Lee adalah musuh rakyat Malaysia’. Ia juga memuatkan pandangan Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor dan juga ahli ultra dalam UMNO yang menganggap sikap Lee Kuan Yew menggugat keamanan negara.⁷⁶ Perasaan marah timbul di kalangan ahli-ahli UMNO dua hari kemudiannya apabila Lee Kuan Yew telah mencabar dasar kerajaan Perikatan dengan berkempen untuk memodenkan cara hidup orang Melayu serta membantu penduduk yang miskin tanpa mengira latarbelakang keturunan. Ucapan Lee Kuan Yew telah mendapat sokongan ahli-ahli parlimen yang menyokong konsep Malaysian Malaysia.⁷⁷ Tunku, bagaimanapun menyangkal rancangan Lee Kuan Yew kerana dianggap ianya tidak akan berjaya.

73 Drysdale, *Singapore*, hlm. 384.

74 Tunku Abdul Rahman, *Looking Back*, hlm. 112.

75 Penyata Dewan Rakyat, 25 Mei 1965.

76 *Utusan Melayu*, 25 Mei 1965; Albert Lau, *A Moment of Anguish*, hlm. 247.

77 Penyata Dewan Rakyat, 27 Mei 1965.

Sikap Lee Kuan Yew membangkitkan isu perkauman seolah-olah beliau mempunyai agenda lain yang tersembunyi. Bagaimanapun ianya mula kelihatan apabila kerajaan British yang bimbang dengan perkembangan politik yang berlaku telah menasihatkan Lee Kuan Yew supaya lebih bertolak ansur. Dalam misi memujuk Lee Kuan Yew untuk menghormati kerajaan Persekutuan, Lord Anthony Head, Pesuruhjaya British ke Malaysia, Lee Kuan Yew telah menyatakan kesediaan beliau untuk berlenbut dengan syarat kerajaan Pusat dapat mewujudkan skim Pasaran Bersama dan UMNO berjanji tidak akan campurtangan dalam urusan politik Singapura.⁷⁸ Sebagai usaha meredakan keadaan, cadangan diadakan *disengagement* diadakan antara Singapura dengan Persekutuan. Bagaimanapun provokasi yang berlaku sudah tidak lagi dapat mewujudkan rasa hormat pemimpin kedua-dua kerajaan menyebabkan *disengagement* tidak berjaya dilaksanakan. Jelasnya Lee Kuan Yew tidak serius dalam merangka agenda demokratik sosialis kerana beliau hanya menggunakannya untuk mencapai kepentingan ekonomi Singapura. Sebagai seorang ahli politik, beliau sendiri mengetahui bahawa adalah mustahil cita-cita politik dapat dilaksanakan dalam keadaan sikap Perikatan dan Tunku sendiri yang berusaha memberikan layanan baik kepada semua kaum. Soalnya pemberian keistimewaan kepada orang Melayu adalah sebagai bayaran kembali sikap mereka yang sanggup memberikan kerakyatan kepada kaum lain. Lee Kuan Yew bernasib baik kerana Dr. Ismail Abdul Rahman selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri enggan menahan beliau walaupun didesak hebat oleh pemuda UMNO. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kempen demokratik sosialis hanyalah bahan kempen Lee Kuan Yew bagi menarik sokongan penduduk kepada beliau.

Nair, bekas sekutu rapat Lee Kuan Yew pernah menulis

*Today, Lee no longer deals with his equals, but with his chosen appointees, who did not earn power the hard way, but had it conferred on them. They are highly qualified men, no doubt, but nobody expects them to possess the gumption to talk back to the increasingly self-righteous know-it-all that Lee has become.*⁷⁹

Keputusan Berpisah

Kenggan Lee Kuan Yew mendengar nasihat Tunku agar tidak meniupkan api kebencian antara kaum di Malaysia memberi kesan utama bagi Tunku untuk memikirkan masa depan politik Singapura di dalam Malaysia. Usaha mengadakan *disengagement* buat sementara dengan Singapura tidak memberikan kebaikan kepada kedua pihak. Malahan kempen Malaysia Malaysia hanya merupakan alat yang digunakan oleh Lee Kuan Yew untuk menuntut pemberian pasaran terbuka oleh kerajaan PTM. Kempen Lee Kuan Yew adalah berbau perkauman yang boleh membahayakan keharmonian kaumdi dalam negara. Lee Kuan Yew memperjelaskan sikap beliau sebenar apabila cuba mendapatkan sokongan penduduk dengan menggunakan kempen negara demokratik sosialis. Sedangkan bagi Tunku kempen ini mendedahkan kepada bahaya hubungan antara kaum.

78 PREM 13/430, Kuala Lumpur to CRO, 4 June 1965.

79 Martyn See Tong Ming, Singapore Rebel: Speak truth unto power. 20 May 2009.

Sebagai usaha akhir, Tunku yang berada di London pada 22 Julai yang berada di Kuala Lumpur telah menghantar kawat kepada Tun Abdul Razak agar mengadakan pertemuan dengan Lee Kuan Yew membincangkan mengenai rancangan pemisahan Singapura. Keputusan ini diambil setelah Tunku mendapat nasihat daripada Datuk Dr. Ismail Abdul Rahman. Dalam masa yang sama idea berpisah telah diberikan oleh Dr. Goh Kheng Swee yang melawat Tunku di London yang begitu percaya tiada jalan lain bagi mengelakkan pertelingkahan antara penduduk adalah dengan cara pemisahan.⁸⁰ Menurut Tunku,

*I fear we will have no choice but to cut out Singapore from Malaysia in order to save the rest of the body from gangrene.*⁸¹

Tunku menganggap Lee Kuan Yew bertanggungjawab sepenuhnya di atas pemisahan Singapura daripada Malaysia. Dalam satu temubual yang disiarkan di dalam *The Asia Magazine* pada 5 Februari, 1967, Tunku menyatakan alasan pemisahan adalah kerana “Perdana Menteri Singapura ingin menjadi Perdana Menteri Malaysia.”⁸² Oleh itu tidak mungkin ada dua perdana menteri dalam sebuah negara. Dalam ertikata lain sebenarnya kempen *Malaysian Malaysia* yang mahu mewujudkan kesamarataan antara kaum memberi kesan terhadap permusuhan kaum. Jika ianya tidak dibendung lebih awal akan menyebabkan pergaduhan kaum yang lebih besar di Malaysia.

Demokrasi Sebagai Pilihan Rakyat Malaysia

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negara ini didorong untuk mengikuti sistem demokrasi mengikut acuan Britain. Namun demikian beberapa langkah dilakukan bagi menyesuaikan keadaannya dengan lanskap penduduk di negara ini. Sebelum merdeka sebuah suruhanjaya perlembagaan telah ditubuhkan dengan tujuan merangka suatu bentuk perundangan tertinggi negara yang dinamakan perlembagaan. Jawatankuasa ini dibentuk berasaskan kepada persetujuan Raja-Raja Melayu dan kerajaan British. Ahli jawatankuasanya terdiri daripada bekas hakim dan pengamal undang-undang daripada Britain, Australia, India dan Pakistan seramai 5 orang. Sebuah cadangan telah diterbitkan oleh jawatankuasa ini dengan membina kerangka sebanyak sepuluh bab. Antara bab yang penting ialah mengenai kerakyatan (Bab 3); Parlimen dan badan Eksekutif (Bab 4), Pengalihan bidang kuasa Legislatif dan Eksekutif (bab 5); Kehakiman (bab 6), Kewangan (Bab 7), Hak Asasi (Bab 9) dan kuasa negeri (bab 10).⁸³ Suruhanjaya ini lebih dikenali sebagai Suruhanjaya Reid mengambil sempena nama pengerusinya iaitu Lord Reid, ketua hakim mahkamah rayuan di Britain.⁸⁴

80 Tunku Abdul Rahman, *Looking Back*, hlm.123

81 Ibid.

82 Alex Josey, *Lee Kuan Yew: The Crucial Years*, Singapore: Time Books International, 1980, hlm. 85.

83 Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957, London, HMSO, 1957, CO no 330..

84 Ahli-ahli lain surhanjaya mengkaji perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah Sir Ivor Jennings, Master of Trinity Hall, Cambridge; Sir William McKell, mantan Gabenor Jeneral Australia; Justice B. Malik, ketua hakim Mahkamah Tinggi Allahabad High Court di India; dan Justice Abdul Hamid hakim Mahkamah Tinggi Pakistan Barat.

Cadangan perlembagaan daripada Suruhjanjaya Reid memberi kesan besar kepada pembentukan sistem negara bangsa di Malaysia.⁸⁵ Ia menjadikan perundangan Malaysia berasaskan kepada kehendak yang dirancang oleh pihak British iaitu sebuah negara demokrasi ala England dan Britain dengan mempunyai sistem keadilan, pentadbiran dan perundangan yang bergantung dan juga sama dengan Britain dan negara-negara Komanwel. Dengan adanya rangka perlembagaan, ianya meyakinkan pihak Raja-Raja Melayu dan penduduk bahawa negara ini boleh merdeka. Bagaimanapun tanpa disedari rangka yang dipegang membawa Malaysia bergerak jauh daripada negara tetangganya terutamanya Indonesia.

Sistem beraja dibentuk dengan mengikut amalan di Britain, meletakkan raja dalam konteks perlembagaan dan tidak lagi dalam kedudukan kuasa mutlak. Sebuah institusi Yang diPertuan Agong diadakan dengan pengisiannya oleh mana-mana Raja atau Sultan yang memerintah negeri yang dipilih daripada kalangan mereka. Raja-Raja Melayu memerlukan masa untuk memahami peranan dan bidang kuasa mereka dalam sebuah negara baru merdeka. Bagaimanapun oleh kerana kuatnya pegangan adat dan agama terutamanya orang Melayu menyebabkan rakyat utuh menyokong kedudukan Raja seterusnya disanjung dan dilindungi kedudukan mereka.

Negara-negara Barat datang dengan pebagai bentuk ideologi yang digunakan demi kepentingan mereka. Begitulah yang berlaku kepada Malaysia. Demokrasi yang diajukan kepada Malaysia untuk mengekalkan sistem dan amalan feodal dan konservatif. Ia dipertahankan oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Bagaimanapun apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri berlaku perubahan terhadap pemahaman mengenai konsep demokrasi. Oleh kerana Dr Mahathir dikatakan tidak menyukai demokrasi yang direkcipta oleh Barat sehinggakan ia menjadi halangan kepada urusan pentadbiran negara. Perkembangan ini memperlihatkan berlakunya pertembungan atau krisis di antara Raja dan Rakyat. Usaha Dr Mahathir ialah mahu rakyat diberikan kuasa dalam membuat keputusan di dalam Parlimen.

Menjelang tahun 1983, kerajaan telah mengambil tindakan meminda perlembagaan supaya sekurang-kurangnya kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak rang undang-undang yang dilulus Parlimen dibatalkan. Mengikuti Dr. Mahathir usaha ini berjaya tetapi tidak sepenuhnya. Yang diluluskan ialah kuasa Yang di-Pertuan Agong menolak rang undang-undang Parlimen dikurangkan dengan mengadakan peruntukan baru bahawa baginda boleh dirujuk semula kepada Parlimen jika enggan menandatangani rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen. Jika Parlimen meluluskan sekali lagi, sama ada dengan pindaan atau tidak, maka undang-undang berkenaan akan menjadi sah dalam jangkamasa 30 hari walaupun tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.⁸⁶

Oleh kerana tiada pertembungan kuat di antara Raja dan kerajaan, pindaan yang dilakukan pada tahun 1983 hanyalah terhad terhadap proses penggubalan undang-undang di Parlimen. Di peringkat negeri tiada pindaan kuasa Raja dibuat. Dengan itu, tiada undang-undang yang boleh diluluskan tanpa tandatangan Raja. Perkembangan ini adalah kerana tidak ada keperluan untuk kerajaan meminda kuasa raja di peringkat negeri.

85 Suruhjanjaya ini memulakan tugas dalam bulan Jun 1956 dan menyerahkan draf perlembagaan pada tanggal 21 Februari 1956. Mereka menerima sebanyak 131 memoranda daripada pelbagai pihak dan mendengar lebih daripada 100 pendengaran di seluruh Tanah Melayu.

86 Ucapan Dr Mahathir sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993, 18 Januari 1993, Arkib Negara Malaysia

Perkembangan awal tahun 1990-an melibatkan tindakan Raja-Raja memerlukan Dr. Mahathir bertindak sekali lagi untuk meminda kuasa Raja. Kali ini pertembungan antara institusi Raja dengan rakyat berlaku berkaitan kedudukan kekebalan (*immunity*) Raja. Soal kekebalan Raja adalah perkara yang dianggap terlalu sensitif bagi rakyat membincangkannya. Hal ini berlaku kerana penduduk Melayu mempertahankan kedudukan Raja-Raja dan menentang soal berkaitan Raja diperbahaskan dalam medan-medan awam. Begitu juga sikap ahli-ahli politik dan kerajaan yang mengelakkan pertembungan secara terbuka dengan Raja-Raja dalam ruangan awam atau publik.

Dr. Mahathir melakukan perubahan dalam sistem negara terutama memansuhkan kekebalan Raja pada tahun 1993. Bagi mengelakkan ianya menjadi konflik yang boleh mengundang keresahan rakyat, Dr. Mahathir melakukan dengan penuh strategi. Beliau perlu menjaga mood rakyat dan mendapat sokongan rakyat untuk meminda perlembagaan. Dalam perkembangan ini, Dr. Mahathir menggunakan hujah yang pernah dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman. Antara lain dalam ucapan di parlimen Dr. Mahathir mengatakan bahawa tafsiran Tunku Abdul Rahman mengenai kekebalan atau immuniti masih meletakkan batasan kepadanya. Alasan yang diberikan oleh Dr. Mahathir ialah sepertimana yang dinyatakan beliau dalam Dewan Parlimen pada bulan Mac 1993;

Tuan Yang di-Pertua, Saya telah menjelaskan dengan panjang lebar pada 18 Januari 1993 mengenai tujuan Kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan apa yang dianggap sebagai kekebalan atau immunity Raja-Raja, iaitu mereka tidak boleh dihadapkan ke mahkamah biasa untuk orang ramai kerana melakukan apa-apa kesalahan. Pindaan ini dibuat kerana difikirkan pengecualian Raja-Raja daripada tindakan undang-undang sudah tidak sesuai lagi dengan aliran zaman.⁸⁷

Langkah memansuhkan kekebalan Raja dilakukan dengan meminda perlembagaan negara. Pindaan ini dilakukan di Dewan Parlimen. Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri ketika membentangkan usul meminda Kuasa Raja dalam Perkara 66 Perlembagaan Malaysia dan beberapa Fasal seperti Fasal 8, Fasal (4A) dalam Dewan parlimen Malaysia dalam bulan Mei 1994 memberikan alasan kerajaan iaitu;

Pindaan ini perlu dilihat sebagai langkah berterusan untuk memantapkan semua usaha pembaharuan yang menjurus ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang kukuh, dinamis dan bertunjangan kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan. Inilah iltizam Kerajaan, kesungguhan yang berasakan hasrat untuk menunaikan amanah rakyat kerana Malaysia terbentuk dari gerakan rakyat untuk membebaskan masyarakat dari belenggu penjajahan, untuk menjayakan cita-cita pembaharuan tajdid dan reformasi islah. Pemikiran rakyat semakin matang setelah kita memasuki dekad keempat sebagai bangsa dan negara merdeka.⁸⁸

Keperluan menghapuskan kekebalan Raja adalah menandakan usaha untuk menjadikan negara untuk lebih 'merdeka'. Pindaan ini memperkuat suara Dewan Rakyat berdepan dengan

87 Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Semasa Perbahasan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993, 8 Mac 1993, Dewan Rakyat. Sumber Arkib Negara Malaysia

88 Perbahasan Parlimen Malaysia, 9hb Mei 1994, hal. 2439

Raja-raja. Pindaan Fasal 4A yang dibentangkan oleh Anwar Ibrahim menyatakan;

Dengan pindaan kepada Fasal (4A) seperti yang dicadangkan, melainkan dalam hal-hal yang menyentuh secara langsung keistimewaan Raja-Raja, sesuatu Rang Undang-undang akan tetap menjadi Rang Undang-undang setelah berakhir tempoh 30 hari ianya diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.⁸⁹

Bagi kerajaan Persekutuan, langkah menghapuskan kekebalan Raja adalah sebagai satu usaha mengimbangi keperluan antara memaktubkan prinsip kedaulatan rakyat dan kewibawaan institusi legislatif yang mewakili kehendak rakyat dan mempertahankan kemuliaan Raja-Raja dan konteks Raja Berperlembagaan.⁹⁰ Dr Mahathir Mohamad pula mempunyai alasan berupa pengamatan beliau dalam perkembangan negara yang berlaku. Pindaan ini bertujuan meletakkan Raja dikedudukan yang tinggi dan mulia. Dengan itu, menurut Dr Mahathir, 'Institusi Beraja akan lebih dihormati dan lebih berkesan.'⁹¹

Kesimpulan

Semangat nasionalisme yang terbina daripada kesedaran untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan adalah sebagai asas penting bagi sistem bernegara di Malaysia. Walaupun menentang British namun legasi yang ditinggalkan oleh British adalah sesuatu yang masih diteruskan oleh penduduk negara ini. Ini kerana pihak British telah mengasaskan sistem pentadbiran, ekonomi dan kewangan yang menyebabkan masyarakat negara terpaksa meneruskan sistem-sistem ini selepas memperolehi kemerdekaan. Pergantungan penduduk Malaysia terhadap sistem ekonomi British adalah dalam soal pengurusan hal ehwal pengeluaran bahan mentah terutamanya getah dan bijih timah. Amalan sistem ekonomi dalam lingkungan Komanwel menyebabkan Malaysia lebih senang mengamalkan sistem ini.

Pergantungan dalam bidang kewangan British juga amatlah kuat di Malaysia. Sistem matawang dan kawalan bank pusat yang dibentuk oleh British masih diteruskan selepas merdeka. Sejak British memperkenalkan sistem matawang, penduduk negara ini terus selesa menggunakan peraturan-peraturan yang diaturkan oleh pegawai-pegawai British. Hubungan bank pusat Tanah Melayu dengan bank pusat di England memberikan kesan kepada Singapura, Brunei dan British Borneo mengikut sistem ini. Sistem kewangan British masih terus berpengaruh di Malaysia sehingga hari ini.

Cabaran kepada pembinaan negara bangsa di Malaysia terdapat dalam peristiwa keluarnya Singapura daripada gabungan Malaysia. Singapura bersungguh-sungguh mahu menyertai Malaysia apabila Lee Kuan Yew mendapati tiada jalan lain untuk menyelamatkan Singapura daripada ancaman komunis. Bagaimanapun cita-cita politik Lee Kuan Yew untuk membina kosnep Malysian Malaysia tidak dapat diterima oleh pemimpin Kuala Lumpur menyebabkan timbulnya konflik yang berterusan. Bagi Tunku Abdul Rahman, gagasan politik

89 Perbahasan Parlimen Malaysia, 9hb Mei 1994, hal. 2441

90 Ibid.

91 Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Semasa Perbahasan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993, 8 Mac 1993.

Malaysian Malaysia akan mendedahkan Malaysia kepada konflik perkauman yang lebih besar. Bagi mengelakkan Malaysian Malaysia dikembangkan, Tunku mengambil jalan memisahkan Singapura dari Malaysia.

Pada zaman pentadbiran Dr. Mahathir, cabaran kepada pembinaan negara bangsa datangnya daripada krisis kewangan yang melanda Malaysia. Akibat krisis ini, ekonomi Malaysia hampir lumpuh apabila pasaran saham Malaysia diserang oleh pemain matawang. Dr Mahathir memainkan peranan utama dengan bertindak secara bersendirian dan menolak bantuan International Monetary Fund (IMF). Bantuan IMF dibimbangi akan menyebabkan kemerdekaan negara tercabar akibat daripada syarat-syarat yang perlu diikuti oleh Malaysia terutamanya membuka secara bebas pelaburan luar dan pemilikan equiti saham pelabur asing. Dalam masa yang sama Dr. Mahathir juga bertindak meminda perlembagaan dengan menghadkan imuniti Raja-Raja. Alasan Dr. Mahathir ialah langkah ini akan melindungi Raja-Raja daripada kritikan penduduk yang tidak berpuashati dengan Raja-Raja.